



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 27 MAC 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 4, 9 HINGGA 75)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS – PAS ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 4)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dapatan kajian yang telah dilakukan terhadap Program Rakan Muda baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menjalankan Kajian berhubung Program Rakan Muda pada tahun 2010. Kajian tersebut dijalankan adalah bertujuan mendapatkan maklum balas berhubung kerelevanan Program Rakan Muda (PRM) yang telah beroperasi bermula pada tahun 1994 sehingga 2010.
2. Hasil pelaporan yang diperolehi mendapati, PRM masih relevan untuk diteruskan khususnya ia dapat memberi ruang kepada belia bagi mengisi masa lapang mereka sekali gus dapat membantu mengurangkan masalah sosial dalam kalangan belia.
3. Hasil kajian turut mendapati tumpuan Rakan Muda dalam agenda Pembangunan Belia Negara adalah fokusnya kepada golongan belia remaja serta kelompok umur 15 tahun di mana fokus ditumpukan kepada usaha penyerlahan bakat dan bukan hanya semata-mata mengasah bakat golongan belia yang ada.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 10 Februari 2014, satu Bengkel "Focus Group Discussion" (FGD) Rakan Muda telah di adakan di peringkat kementerian dengan penglibatan bersama aktivis Belia, IPTA, Majlis Belia Malaysia (MBM), Bahagian Dalaman Kementerian dan agensi di bawah KBS.

5. Hasil Perbincangan Bengkel FGD Rakan Muda telah menghasilkan resolusi seperti berikut:-
  - i. Membina *Networking* dengan pihak GLC sebagai pendekatan yang boleh dijadikan contoh.
  - ii. Penyediaan kod etika, manual atau panduan yang sedia ada hanya perlu ditambah baik semula.
  - iii. Mewujudkan *database* program-program yang telah dilaksanakan untuk memudahkan rujukan.
  - iv. Program yang sedia ada di RM adalah merupakan program yang telah berada pada tahap yang baik dan kini hanya perlu diperkasakan lagi untuk memantapkan pelaksanaan program.
  - v. Memanggil serta mengenal pasti semula penggerak-penggerak RM yang telah menyertai kelab RM lepas untuk menjadi Fasilitator atau Mentor kepada pelaksana program-program RM akan datang.
  
6. Pihak Kementerian yakin, dengan hasil kajian yang dilaksanakan oleh IYRES dan Bengkel "*Focus Group Discussion*" (FGD) Rakan Muda" akan membantu kementerian dalam merancang gerak kerja bagi terus memperkasa serta memperhebatkan aktiviti Rakan Muda bersesuaian dengan cita rasa golongan muda pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Hajah Norah binti Abd  
Rahman [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 9**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat cadangan daripada Kementerian untuk menubuhkan sebuah Institut Pembasmian Kemiskinan (*Poverty Eradication Institute*) bagi membimbing pemimpin akar umbi, penduduk miskin dan miskin tegar sebagai satu langkah membantu Kerajaan menurunkan kadar kemiskinan dan miskin tegar di Malaysia.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan Institut Pembasmian Kemiskinan. Kementerian melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) telah melaksanakan latihan dan penyelidikan yang berkualiti bagi memperkasa institusi dan masyarakat luar bandar.

Antara program yang dilaksanakan ialah kursus peningkatan profesional Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), kursus pembangunan kemahiran yang berkaitan dengan *homestay* dan ICT, serta bengkel penyediaan Pelan Tindakan Desa. Kesemua latihan ini bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan pemimpin desa supaya dapat mendukung usaha-usaha perubahan pentadbiran dan pembangunan setempat.

Selain itu, Kementerian juga menganjurkan pertandingan Anugerah Ilham Desa bagi menggalakkan kepimpinan desa meningkatkan usaha membina potensi yang ada di kampung masing-masing dan sekali gus meningkatkan taraf ekonomi kampung mereka. Usaha ini

juga mampu membantu golongan miskin dan miskin tegar di kampung tersebut untuk keluar dari kelompok tersebut di mana golongan ini sudah pasti dilibatkan secara langsung dalam program pembangunan kampung tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH**  
**[ SANDAKAN ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah Klinik 1Malaysia yang telah ditubuhkan masing-masing di Sabah dan seluruh Malaysia. Apakah kriteria penubuhan, dan berapakah kos peruntukan purata untuk setiap Klinik. Mengapa tiada Klinik 1Malaysia di Kampung Pangi, Tenom, Sabah, walaupun daerah ini langsung tiada satu klinik pun

**Tuan Yang di-Pertua**

Semenjak penubuhan Klinik 1Malaysia (K1M) dari Januari 2010 sehingga 31 Disember 2014, 254 buah Klinik 1Malaysia sedang beroperasi di seluruh negara. Untuk negeri Sabah, 29 buah Klinik 1Malaysia telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia adalah:

- i. Di kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar dengan kepadatan penduduk yang tinggi;
- ii. Kawasan di mana penduduk dari golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dan sederhana;
- iii. Mengambil kira pandangan Ketua Masyarakat;
- iv. Untuk tahun 2014, K1M juga telah diperluaskan di kawasan luar bandar yang jauh dari kemudahan kesihatan statik sedia ada.

Purata peruntukan yang diperlukan untuk pembangunan sesebuah K1M adalah sebanyak RM250,000. Peruntukan ini meliputi pembiayaan untuk ubahsuai, pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan. Sementara purata peruntukan operasi tahunan untuk sebuah K1M adalah sebanyak RM250,000.

### **Tuan Yang di-Pertua**

Berhubung pertanyaan mengenai keperluan K1M di Kampung Pangi, untuk makluman, Kampung Pangi, Tenom adalah sebuah kampung terpencil yang hanya boleh dihubungi dengan jalan keretapi dengan populasi penduduk seramai 600 orang. Pada ketika ini, penduduk boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Hospital Tenom yang hanya terletak dalam jarak kurang dari 10 kilometer. Fasiliti-fasiliti kesihatan lain yang telah disediakan dan dapat menampung keperluan penduduk adalah terdiri dari 2 buah klinik kesihatan, 1 klinik kesihatan ibu dan anak (KKIA) dan 8 buah klinik desa dalam lingkungan jarak 30 kilometer.

## Tuan Yang Di-Pertua

KKM telah membina 25 buah K1M di negeri Sarawak dan 5 daripadanya terletak di Bahagian Sibu. Pada keseluruhannya, kos untuk membangunkan dan mengoperasikan K1M tidak jauh berbeza di seluruh negara.

Dari segi keperluan sumber manusia pula, keperluan kepada anggota kesihatan bertambah dengan bertambahnya K1M dan memandangkan K1M adalah salah satu keutamaan Kementerian, maka agihan perjawatan dan pengisian juga telah diutamakan. Kekurangan kakitangan di hospital dan klinik dapat ditampung dengan cara agihan semula (*re deploy*) kakitangan kepada fasiliti kesihatan yang lebih memerlukan dan semakin terhadap keperluan anggota sentiasa disemak dari semasa ke semasa.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK KOH NAI KWONG**  
**KAWASAN** : **ALOR GAJAH**  
**TARIKH** : **27.3.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **11**

**Y.B. DATUK KOH NAI KWONG** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik jualan kenderaan bermotor yang diimport dan dieksport sepanjang tahun 2010 sehingga 2013 dan adakah Dasar Automotif Nasional 2014 akan memberikan impak terhadap jualan kenderaan bermotor di negara kita.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah kenderaan bermotor yang diimport sepanjang tahun 2010 hingga 2013 adalah sebanyak 536,698 unit. Dalam tempoh sama, jumlah kenderaan yang dieksport adalah 101,873 unit.

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan EEV, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 mensasarkan bahawa pengeluaran kenderaan bermotor akan mencecah 1.35 juta unit di mana jualan tempatan kenderaan penumpang berjumlah 1 juta unit setahun. Selain jualan ke pasaran tempatan, NAP 2014 juga telah menggariskan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi eksport kenderaan Malaysia, khususnya kenderaan EEV ke pasaran serantau dan antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SEOH LEONG PENG  
[ TELOK INTAN - DAP ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 12)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan;-

- (a) Sejauh mana gelanggang futsal yang dibina digunakan sepenuhnya oleh penduduk setempat kerana kebanyakan lokasi gelanggang jauh daripada tempat tumpuan penduduk; dan
- (b) Mengapa pembinaan gelanggang futsal tidak dibina di kawasan yang menjadi tumpuan ramai.

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah merancang, merangka dan melaksanakan pelbagai program belia tidak kira sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Program-program yang dilaksanakan di luar bandar sentiasa konsisten dan bersesuaian dengan kehendak belia setempat
2. Program yang dilaksanakan di luar bandar mengambilkira budaya, sosioekonomi dan demografi golongan belia bagi sesuatu kawasan. Selain itu, pelaksanaan program yang lebih fokus adalah melalui pendekatan strategik rakan kongsi yang utama iaitu persatuan sukan di luar bandar.
3. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah merangka dan melaksana pelbagai program berbentuk sukan komuniti, sukan teras dan sukan integrasi mengikut kesesuaian masa dan tempat pelaksanaan. Kesemua program ini mampu memberikan satu platform dan ruang kepada belia dan beliawanis di luar Bandar atau desa melibatkan diri dalam aktiviti sukan untuk semua di peringkat akar umbi.

SULIT

**JAWAPAN (b)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya KBS berhasrat untuk membina Gelanggang Futsal di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Walau bagaimanapun memandangkan tapak-tapak kosong milik kerajaan mahupun kerajaan negeri yang telah direzabkan di bawah rekreasi adalah terhad, KBS tidak mempunyai pilihan yang banyak dalam memilih tapak yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dr. Mansor bin Abd Rahman  
[ SIK ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 13**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan Kementerian untuk memastikan kebajikan penoreh getah yang terlibat dalam bencana seperti kebakaran dan kemarau. Apakah mekanisme tindakan yang boleh diberi sama ada dalam bentuk pampasan atau bantuan yang berkaitan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Umum mengetahui bahawa negara kini mengalami keadaan cuaca yang panas dan kering yang berpanjangan. Keadaan ini menimbulkan keresahan bukan sahaja warga kota namun juga kepada masyarakat luar bandar.

Kementerian melalui RISDA turut melihat senario ini yang memberi kesan kepada kebun-kebun pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, mekanisme berikut telah dilaksanakan iaitu :

- i. **Program Pemulihan Kebun melalui Rancangan Pemulihan Kebun (RPK).** RPK dilaksanakan bertujuan untuk memulihkan kebun tanam semula Pekebun Kecil yang telah musnah dan terbengkalai disebabkan bencana alam, musuh tanaman dan serangan penyakit. RPK ini hanya layak kepada Pekebun Kecil yang masih di dalam skim bantuan tanam semula RISDA. Melalui program ini, bantuan yang diberikan bernilai tidak lebih daripada bantuan

tanam semula yang telah dibayar kepada pekebun kecil sebelum ini; dan

- ii. **Program Bantuan Bencana Alam (BBA)** yang bertujuan untuk memulihkan kebun-kebun yang dilanda bencana alam seperti banjir, kemarau dan kebakaran akibat cuaca. Pada tahun 2014, RISDA telah memperuntukkan sejumlah RM100,000 bagi kemudahan kepada Pekebun Kecil terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 27 MAC 2013 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah wang tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy Fund*) yang telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi pihak *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) sejak Disember 2011.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011. Sejak ia dilaksanakan, sebanyak RM 564,495,919.22 telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad selaras dengan peruntukan Seksyen 24 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011. Walau bagaimanapun, pengguna domestik yang menggunakan elektrik kurang daripada 300 kWj sebulan adalah dikecualikan daripada kutipan ini.
2. Mulai 1 Januari 2014, Mekanisme FiT telah mula dilaksanakan di Sabah. Jumlah kutipan oleh Sabah Electricity Sdn Bhd adalah sebanyak RM1,223,459.68 sehingga 31 Januari 2014.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato Sri Dr. Muhammad Leo  
Michael Toyad Abdullah  
[ MUKAH ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 15**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan langkah yang telah dan akan  
diambil untuk memperbaiki bekalan air di Bahagian Oya  
dan Dalat di Mukah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmati bekalan air yang sempurna termasuk di kawasan Oya dan Dalat, Mukah, Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) – Sambungan Bekalan Air Dari Oya Ke Igan, Bahagian Mukah, Sarawak telah siap secara fizikalnya dan kini sedang dalam pengujian dan pentauliahan (*testing & commisioning*). Projek tersebut dijangka akan dapat beroperasi sepenuhnya dan air juga akan dapat disalurkan kepada pengguna pada penghujung bulan Jun 2014.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj**  
**[ Sungai Siput ]**  
**TARIKH** : **27.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kanak-kanak Orang Asli yang sedang bersekolah di tiap negeri di Semenanjung Malaysia dengan pecahan tiap peringkat pelajaran (Darjah Satu hingga Tingkatan Enam).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memperluaskan akses pendidikan kepada semua murid tanpa mengira bangsa termasuklah murid Orang Asli. Bilangan murid Orang Asli seluruh negara sehingga 31 Januari 2014 ialah 38,874 orang. Pecahan murid Orang Asli mengikut peringkat persekolahan adalah 1,724 murid prasekolah, 26,145 murid sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan 11,005 murid sekolah menengah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan 6).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG**  
**[ AYER HITAM ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan klinik kesihatan dan hospital yang akan dibina di seluruh negara pada tahun 2014. Apakah status terkini projek pembinaan Klinik Kesihatan Yong Peng Johor yang setakat ini hanya siap kerja tanah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua**

Pada tahun 2014, sebanyak tiga puluh tiga (33) projek klinik kesihatan, tiga (3) projek klinik desa dan lapan (8) projek hospital yang akan dibina di seluruh negara pada tahun 2014.

Bagi negeri Johor sebanyak 2 buah Klinik Kesihatan Jenis 3 akan memulakan proses rekabentuk pada tahun 2014 iaitu Klinik Kesihatan (Jenis 3) Taman Tun Aminah, Johor Bahru dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Ulu Tiram, Johor Bahru. Bagi projek pembinaan Klinik Kesihatan Yong Peng, projek ini telah ditender pada 13 Februari 2014. Agensi Pelaksana bagi projek ini adalah Jabatan Kerja Raya Malaysia.

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6569**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan aduan-aduan yang telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia mengenai pilihan raya parti MIC dan MCA yang di adakan pada tahun lepas. Apakah tindakan undang-undang yang telah diambil oleh ROS.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih lagi menjalankan siasatan ke atas aduan mengenai pilihan raya parti politik MIC dan MCA. Sehubungan dengan itu, keputusan mengenainya akan dimaklumkan setelah siasatan selesai dilaksanakan dan JPPM akan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335).**

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI – BN ]**

**TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)**

**SOALAN NO. ~~17~~ 19**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap kebolehpasaran pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sejauh manakah peruntukan RM200 juta yang diperuntukkan untuk IKBN dalam Bajet 2014 dapat memperkasakan institusi ini.

SULIT

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Kebolehpasaran Graduan IKBN yang telah dijalankan pada tahun 2013 ke atas 1,489 orang graduan lepasan IKBN 2012 mendapati bahawa:-
  - (a) seramai 935 orang atau 63% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 hingga 12 bulan;
  - (b) lepasan yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi berjumlah 306 orang atau 20%; dan
  - (c) peratus lepasan yang sedang mencari pekerjaan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 17% bersamaan 248 orang.
2. Nilai kebolehpasaran bagi graduan IKBN ini diukur berdasarkan bilangan graduan yang bekerja serta sedang menyambung pengajian.
3. Hasil kajian kebolehpasaran ini membuktikan bahawa graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang terkini dan berdaya saing serta mengikut kehendak industri dan pasaran kerja semasa.

## SULIT

4. Bagi tujuan memperkasakan institusi IKBN melalui peruntukan yang diterima dalam Bajet 2014, kementerian telah merancang pelaksanaan dua syif '*double shift*' dalam pelbagai bidang latihan di IKBN sebagai usaha untuk memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada belia disamping dapat mengoptimalkan kapasiti IKBN sedia ada.
5. Pelaksanaan ini akan bermula secara berperingkat mulai tahun 2014 dimana penambahan enrolmen pelajar daripada 10,000 orang masa ini meningkat kepada 15,000 orang dengan pertambahan seramai 5,000 orang pelajar menjelang 2015.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]**  
**TARIKH** : **27.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan angka kekurangan guru di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di seluruh negara mengikut negeri-negeri masing-masing. Apakah langkah yang dilaksanakan selama ini dan apa sebab langkah yang dilaksanakan itu tidak berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berdasarkan Data Kedudukan Guru Sekolah Rendah (Data Sistem Maklumat Guru Modul e-Operasi) seperti pada 17 Februari 2014 adalah seramai 849 orang. Jumlah tersebut tidak termasuk 336 guru Interim yang sedang berkhidmat. Kementerian akan mengisi kekosongan yang masih ada dengan penempatan guru baharu mulai 1 April 2014.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih terus melaksanakan cadangan-cadangan dan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC. Pada tahun 2013, Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC iaitu:

- a. Melanjutkan perkhidmatan Guru Interim lantikan 2012 berkelulusan Ijazah yang ditawarkan latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) mulai 1 Januari 2013 sehingga mereka tamat pengajian dan dilantik tetap sebagai PPPS DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).
- b. Melantik dan menempatkan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) tahun 2012 yang memiliki kelulusan kepujian Bahasa Cina sebagai Guru Interim di SJKC mulai 16 Januari 2013 sehingga mereka dilantik tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) DG41 tertakluk kepada keputusan temu duga SPP.
- c. Meluluskan kuota bagi melantik Guru Interim Tambahan untuk mengisi baki kekosongan jawatan mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 MAC 2014 ( KHAMIS )

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dirancang untuk dibina dan disiapkan bagi tahun 2014 dan 2015 mengikut negeri dan nyatakan langkah transformasi kementerian bagi memastikan projek ini berjaya disempurnakan bagi kepentingan rakyat.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Belanjawan 2014, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 16,473 unit di seluruh Negara. Pada masa kini, semua projek dalam pelbagai peringkat perancangan dan akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2014.

Pada tahun 2014, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dijangka menyiapkan 3,172 unit (5 projek) dan 6,076 unit (9 projek pada tahun 2015).

Bf	Negeri	2014	2015
1	Sabah	800	3,856
2	Johor	1,170	
3	Terengganu	1,002	
4	Perlis	200	
5	Sarawak		500
6	WPKL		1,600
7	Pahang		120
	Jumlah	3,172	6,076

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Mac 2014

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN**  
**KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN**  
**TARIKH : 27 MAC 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) status pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX); dan
- (b) adakah Kerajaan akan meneruskan pembinaan tersebut walaupun mendapat tentangan hebat daripada penduduk setempat.

**JAWAPAN:**

(jawapan a & b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi Lebu Raya Kinrara – Damansara atau KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaaan oleh syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd.

Pada masa kini KIDEX Sdn Bhd. sedang dalam proses untuk memenuhi beberapa syarat *condition precedent* dalam tempoh 12 bulan sebelum perjanjian konsesi berkuat kuasa, iaitu antara lain mengesahkan bukti pembiayaan (*financial close*) kepada Kerajaan, dan mengadakan bancian/tinjauan umum (*public opinion survey*) mengenai sokongan atau bantahan terhadap cadangan pembinaan lebu raya ini.

Sehubungan itu, pelaksanaan projek KIDEX ini tertakluk kepada syarikat konsesi memenuhi *condition precedent* yang telah ditetapkan itu termasuk keputusan daripada hasil tinjauan awam berkenaan. Jika tidak ada halangan projek ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2015 dengan tempoh siap pembinaan ialah selama 36 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**[SIBUTI]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran jumlah panggilan telefon, sms, emel daripada setiap negeri seluruh Malaysia yang diterima oleh 1Malaysia One Call Centre sejak mula beroperasi.**

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1Malaysia One Call Centre (1MOCC) telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012. Fasa 1 pelaksanaan 1MOCC telah melibatkan 21 agensi perintis manakala

24 ibu pejabat kementerian-kementerian telah terlibat dalam pelaksanaan fasa 2 1MOCC.

Sejak 1MOCC beroperasi pada 12 November 2012 hingga 28 Februari 2014, sebanyak 1,671,673 transaksi telah diterima melalui pelbagai saluran. Dari jumlah tersebut, 1,631,284 transaksi diterima melalui saluran telefon, 28,913 transaksi diterima melalui saluran SMS, 9,187 transaksi diterima menerusi saluran emel, 1,486 transaksi diterima menerusi saluran portal, 726 transaksi diterima menerusi saluran *facebook*, 60 transaksi diterima menerusi saluran *twitter* dan 17 transaksi diterima menerusi saluran faks.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6568**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) punca berlakunya masalah pelacuran yang kian serius dalam Malaysia, di mana dijangka terdapat 52 orang pekerja seks per setiap 10,000 orang dalam negara ini; dan
- (b) usaha preventif serta usaha rehabilitatif bagi membendung masalah tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pelacuran adalah merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan di bawah Seksyen 372 Kanun Keseksaan (*iaitu menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan*) dan Seksyen 373 Kanun Keseksaan (*iaitu pengawalan rumah-rumah persundalan*). Pihak PDRM khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu pelacuran di negara ini khasnya melibatkan pelacur di kalangan warga tempatan dan juga warganegara asing. Beberapa punca telah dikenalpasti oleh PDRM yang menyebabkan kegiatan pelacuran terus berlaku di negara ini, antara punca yang dikenalpasti seperti:-

- i) Keuntungan yang tinggi hasil daripada kegiatan pelacuran menjadikan mereka tamak dan tidak mengenal erti takut walaupun tindakan undang-undang yang tegas akan dikenakan terhadap mereka.
- ii) Terdapat sindiket yang beroperasi di dalam dan luar negara yang menipu gadis-gadis, kononnya ditawarkan pekerjaan yang baik dengan pendapatan yang lumayan. Gadis yang terpedaya dengan janji ini akan terjebak dengan aktiviti pelacuran.

- iii) Pelacuran juga dikaitkan dengan faktor ekonomi, apabila keadaan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan pengangguran, kemiskinan, hutang, peningkatan kos sara hidup dan peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan seseorang sanggup melakukan apa saja untuk kelangsungan hidup. Selain itu keinginan untuk hidup mewah dengan cara yang mudah tanpa bekerja keras menyebabkan mereka terjerumus ke kancah pelacuran.
  
- iv) Keruntuhan moral seperti kurangnya pendidikan agama, keruntuhan rumahtangga seperti perceraian menyebabkan anak-anak menjadi terbiar dan mudah terpengaruh dengan gejala yang negatif dan akhirnya membawa kepada kancah pelacuran.
  
- v) Faktor persekitaran juga mempengaruhi aktiviti pelacuran, seperti mengagung-agungkan bahasa dan budaya asing, pengaruh media massa tanpa sempadan pada waktu ini, boleh mempengaruhi golongan muda terutamanya untuk mencuba dan meniru, apa yang dilihat oleh mereka dalam Internet dan sebagainya. Perkara ini pada awalnya sekadar untuk bersuka-suka sahaja, tetapi lama-kelamaan boleh membawa mereka ke lembah pelacuran.

Dalam memastikan aktiviti pelacuran ini tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian Masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjejaskan imej negara ini. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- (a) Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.
- (b) Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang pelacuran dari masa ke semasa.
- (c) Menyenaraihitamkan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenalpasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran.
- (d) Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* dari penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur untuk tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa.

- (e) Kerjasama yang erat di antara lain-lain agensi penguatkuasaan juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini.**
  
- (f) Penangkapan dan pendakwaan akan dibuat terhadap wanita yang disyaki terlibat kegiatan pelacuran dan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah serta bekerja sebagai GRO tanpa permit yang sah.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH** : **27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **25**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian meningkatkan jumlah penonton di media rasmi Kerajaan; dan
- (b) jumlah dan peratus rancangan-rancangan di RTM mengikut kategori dan negara pengeluar filem atau rancangan itu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah melaksanakan kajian dari semasa ke semasa bagi memastikan siaran dan program radio dan TV RTM berkesan dan dapat mendidik masyarakat. Menerusi hasil kajian-kajian ini, perubahan dan penambahbaikan dilaksanakan agar pengisian program radio dan TV RTM lebih menepati citarasa khalayak dan seterusnya maklumat dapat disampaikan.

Selain itu, untuk memudahkan dan meluaskan lagi khalayak menonton rancangan dan promosi, RTM juga boleh diikuti menerusi media baharu

## SOALAN NO: 25

seperti RTM *online streaming*, RTM *mobile TV/Radio*, facebook, twitter, instagram, youtube dan lain-lain.

RTM menerusi saluran TV2 secara keseluruhannya menyiarkan 46 jam iaitu 27 % rancangan luar negara daripada keseluruhan jumlah siaran seminggu (168 jam). Selain drama dan filem, jumlah ini termasuk juga rancangan kanak-kanak dan dokumentari.

Dalam tempoh seminggu, TV2 menyiarkan 8 jam (4.8%) program dari Korea (drama 4 jam, realiti 3 jam, muzikal 1 jam), 5.5 jam (3.3%) filem Hindi dan Tamil, 10 jam (5.9%) filem dan drama dari China, 6 jam (3.57%) filem Inggeris dan 5 jam (3%) drama Inggeris.

RTM turut menyiarkan program dokumentari Bahasa Inggeris sebanyak 9.5 jam (5.65%) melalui TV1, 2 jam (1.2%) di TV2 dan 0.5 jam (0.3%) di TVi. Selain itu, program animasi/kanak-kanak daripada Amerika dan Jepun pula ialah sebanyak 3 jam (1.8%) di TV1, 8 jam (4.76%) di TV2 dan 3.5 jam (2.1%) di TVi. Selain itu, saluran TVi juga menyiarkan 2 jam (1.2%) rancangan muzikal Korea.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 27 MAC 2014

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keperluan meminda Akta Kerja 1955 dalam perkara 'contractor labour' kepada 'sub contractor labour'

PR-1321-L60045

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tafsiran "*sub contractor for labour*" di bawah seksyen 2, Akta Kerja 1955 telah dipinda kepada "*contractor for labour*" atau kontraktor tenaga kerja berkuatkuasa pada 1 April 2012. Susulan pindaan tafsiran ini, peruntukan baru seksyen 33A telah diwujudkan untuk mewajibkan kontraktor tenaga kerja berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Pindaan ini dibuat bagi memudahkan pengawalan dan

pemantauan dibuat oleh Jabatan Tenaga Kerja ke atas aktiviti pembekalan pekerja oleh kontraktor tenaga kerja

2. Walau bagaimanapun, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) membantah pindaan ini atas alasan akan menggalakkan lagi penggajian pekerja di Malaysia menerusi kontraktor tenaga kerja sedangkan penggajian terus tanpa orang tengah adalah lebih baik. Berikutan bantahan dan permintaan oleh kesatuan sekerja khususnya pihak MTUC terhadap pindaan ini, peruntukan berkaitan kontraktor tenaga kerja ini hanya dikuatkuasakan di sektor pertanian dan perladangan sahaja (*agricultural undertaking*). Pihak NUPW bersetuju CFL dikuatkuasakan di sektor perladangan kerana ia lebih memberi perlindungan kepada para pekerja.

3. Kerajaan membuat pindaan ini memandangkan amalan penggajian melalui kontraktor tenaga kerja telah lama berlaku, terutama di sektor perladangan, bagi menguruskan pekerja-pekerja yang diperlukan oleh prinsipal. Selama ini mereka tidak didaftarkan. Ini telah menyebabkan penggajian pekerja-pekerja melalui sistem ini tidak dapat dipantau secara menyeluruh mengikut undang-undang seperti pembayaran gaji pekerja-pekerja tersebut, kemudahan cuti tahunan dan lain-lain faedah yang layak sepertimana diperuntukkan dalam undang-undang.

4. Dengan pindaan ini, Jabatan Tenaga Kerja telah dapat memantau aktiviti kontraktor tenaga kerja tersebut dengan lebih berkesan dan sistematik bagi memastikan hak-hak semua pekerja

kontrak dilindungi dan dipelihara dengan lebih baik. Contoh hak dan perlindungan yang seringkali tidak dinikmati golongan pekerja ini adalah di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

5. Sehingga kini, Jabatan Tenaga Kerja telah mendaftarkan seramai 1,670 kontraktor tenaga kerja dan seramai 6,589 pekerja tempatan (di bawah kontraktor tenaga kerja) telah menikmati faedah perlindungan seperti caruman KWSP dan PERKESO serta faedah-faedah lain yang termaktub di bawah Akta Kerja 1955 dan juga pembayaran gaji minimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**  
**[ MACHANG ]**

**TARIKH** : **27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **27**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

- (a) statistik jumlah penonton Berita Nasional TV1, Berita Mandarin TV2, Buletin Utama TV3; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula waktu siaran berita-berita utama agar rakyat dapat menonton berita di kaca televisyen.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Purata jumlah penonton berita seperti yang dikeluarkan oleh agensi penilai, Media Analytics bagi tempoh 10 Februari hingga 16 Februari 2014 adalah seperti berikut;

- Berita Nasional TV1 – 1.5 juta penonton (27.61%)
- Berita Mandarin TV2 – 287 ribu penonton (5.18%)
- Buletin Utama TV3 – 2.3 juta penonton (41.1%)

## SOALAN NO: 27

Bagi membolehkan berita dan maklumat yang sahih dan terkini disebarkan dengan pantas tanpa menunggu waktu slot siaran berita, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menubuhkan 2 saluran berita (*news channel*) 24 jam iaitu BES1 dan 1News yang disiarkan menerusi laman web (*web-tv*) dalam format definisi tinggi (*HD*) dan turut boleh dicapai melalui perisian aplikasi telefon pintar.

Pada masa kini, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA TV sudah berkerjasama dalam membuat liputan beberapa peristiwa penting. Ini merupakan usaha permulaan ke arah kerjasama yang lebih mantap. Ekoran kerjasama ini diharap RTM dan BERNAMA TV akan dapat meningkatkan keupayaan membuat liputan yang lebih menyeluruh dan dapat memenuhi kehendak khalayak.

Berdasarkan perkembangan ini, RTM dan BERNAMA akan meningkatkan sinergi melalui perkongsian berita dan kandungan siaran ke arah mewujudkan saluran berita 24 jam utama negara. Bagi tujuan ini, RTM akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Melayu dan saluran radio berbahasa Inggeris manakala pihak BERNAMA pula akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Inggeris dan memperkemaskan lagi siaran radio 24 jam BERNAMA berbahasa Melayu di bawah Radio 24 yang telah mula dilancarkan pada 3 September 2007.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU  
PANJANG]

**TARIKH** : 27 MAC 2014

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina **tebatan banjir** di sepanjang **Sungai Golok**, memandangkan negara jiran Thailand hampir siap membinanya dan memberi kesan yang buruk kepada kawasan di persempadanan negara kita.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah sama dengan jawapan Kementerian ini bagi soalan No. 26, 4 Disember 2013 dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas dan jawapan Kementerian bagi Perbahasan Titah DiRaja pada 24 Mac 2014 memandangkan isu yang dibangkitkan merupakan isu yang sama dan statusnyanya juga adalah sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]**  
**TARIKH : 27.3.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program Kementerian dalam mengatasi masalah sekolah-sekolah daif di luar bandar Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat komited dalam memastikan bahawa semua penduduk luar bandar dapat menikmati akses dan ekuiti kepada pendidikan. Bagi tujuan tersebut, KPM telah melaksanakan projek Audit Fizikal terhadap sekolah-sekolah luar bandar di bawah Projek Pakej Rangsangan Khas (PRK) semenjak 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2010 sehingga 2013, KPM telah memperuntukkan sejumlah **RM961 juta** bagi pembangunan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di Sarawak. Bagi pelaksanaan tahun 2014, sebanyak 22 buah projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah di Sarawak telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan*.

Di bawah RMKe-10 pula, sehingga kini sebanyak 650 projek-projek pembangunan fizikal institusi pendidikan di Sarawak telah disiapkan manakala sebanyak 83 buah projek pula sedang dalam pembinaan.

Rjm77

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]**  
**TARIKH** : **27.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perjanjian yang dibuat dengan *Cambridge English*, apakah bidang tugas dan kos pelantikan mereka dan mengapakah jururunding luar negara harus diupah untuk kerja tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat perjanjian kerjasama dengan pihak Cambridge English bagi melaksanakan kajian penanda aras standard bahasa Inggeris di Malaysia berbanding standard antarabangsa. Pihak Cambridge English hanya menjalankan kajian *baseline* untuk menanda aras tahap bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Malaysia dari peringkat prasekolah sehingga ke Tingkatan 6 dalam kalangan guru dan murid.

Kajian ini dijalankan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan keperluan untuk memastikan standard pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia sejajar dengan standard di peringkat antarabangsa. Untuk tujuan itu, pihak Cambridge English yang mempunyai pengalaman luas dan diperakui di peringkat antarabangsa didapati sesuai untuk menjalankan kajian berkenaan.

Kos keseluruhan pelaksanaan kajian ini adalah RM87,500.00 dan dibiayai sepenuhnya oleh Cambridge Malaysia Education Development Trust (CMEDT).

Rjm78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING  
[ BINTULU ]  
TARIKH : 27 MAC 2014  
SOALAN :**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) sehingga bilakah Kementerian terpaksa bergantung kepada doktor pakar dari luar negara di dalam pengisian kekurangan pakar tempatan di hospital-hospital di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengadakan juru audit yang terdiri daripada doktor pakar tempatan bagi memastikan kualiti kepakaran doktor pakar luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menghadapi kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Sehubungan itu, sebagai langkah jangka pendek, KKM masih meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar di kalangan warganegara asing secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM. Namun demikian, bilangan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar Kontrak warganegara asing telah berkurangan iaitu pada tahun 2007, terdapat seramai 209 orang berbanding sehingga 31 Januari 2014 hanya terdapat 93 orang sahaja yang dilantik..

Sehingga 31 Januari 2014, terdapat seramai 93 orang Pegawai Perubatan Pakar bukan warganegara sedang berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM. Jumlah tersebut semakin berkurangan berbanding tahun 2012, iaitu seramai 109 orang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan pelbagai strategi bagi meningkatkan bilangan Pakar Perubatan antaranya melalui :

- i. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air;
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak; dan
- v. Peningkatan tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009,

800 orang mulai sesi 2010/2011 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan mengikuti program sarjana.

KKM memang mempunyai mekanisma penilaian bagi memastikan kualiti kepakaran doktor pakar luar negara yang diambil berkhidmat di negara ini, misalnya melalui penglibatan pelbagai pihak seperti Majlis Perubatan Malaysia, *National Specialist Registry*, Jawatankuasa Khas Perubatan dan Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Kontrak KKM.

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6567**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pecahan (breakdown) tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang merangkumi :-**

- (a) tanpa dokumen perjalanan dan luput tempohnya; dan
- (b) dokumen pengenalan diri palsu di negeri Sabah dari tahun 2012 hingga sekarang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan dan luput tempohnya bagi tempoh 2012 hingga Februari 2014 adalah sebanyak 93,657 orang.**
- b) Manakala tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memiliki dokumen pengenalan diri palsu di negeri Sabah dari tahun 2012 hingga Februari 2014 adalah seramai 71 orang.**

**Sepanjang tempoh 2012 hingga Februari 2014, jumlah PATI yang didakwa adalah seramai 6,771 orang. Seramai 5,977 orang telah didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki pas yang sah, seramai 723 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana telah tinggal lebih masa dan seramai 71 orang telah didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 56(1)(l) kerana menggunakan dokumen atau pas palsu.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN YANG KE-13**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 33**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah tindakan segera untuk mengekang masalah perkauman yang agak serius sehingga melibatkan generasi muda di peringkat pelajar sekolah ; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk mengekang provokasi-provokasi bersifat perkauman dan keagamaan yang sedang berleluasa di negara ini.

**JAWAPAN:**

Yang Di-Pertua,

Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah

berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilham dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui:

- a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiwaan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.
- b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia.

- d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
- e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khususnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.
- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama.
- g) Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*).
- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- i) Penubuhan Skwad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kejiwaan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' ABDUL MANAN ISMAIL**  
**KAWASAN** : **PAYA BESAR**  
**TARIKH** : **27.3.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **34**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN ISMAIL** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat mana syarikat Bumiputera boleh terus kekal berdaya saing dalam Dasar Automotif Nasional (DAN) 2014.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014 turut mengambil kira aspek pembangunan Bumiputera dalam industri automotif negara.

Bagi tujuan ini, NAP 2014 memperkenalkan langkah-langkah berikut:

- (i) penyediaan peruntukan sebanyak RM75 juta bagi tempoh 2014 hingga 2019 bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif bagi tujuan pembangunan teknologi, modal insan dan rantaian bekalan; dan

- (ii) pemantauan secara berterusan dijalankan ke atas syarikat pengeluar kenderaan serta pihak yang terlibat dalam sektor pembuatan dan lepas jualan untuk memastikan penglibatan yang berkesan oleh syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif tempatan.

Selain itu, satu pelan hala tuju bagi pembangunan syarikat Bumiputera dalam industri automotif turut dilancarkan pada 7 Februari 2014. Pelan ini antara lain menggariskan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembangunan teknologi, modal insan dan rangkaian bekalan bagi meningkatkan daya saing syarikat Bumiputera dalam industri automotif.

Aktiviti-aktiviti ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memperkasa ekonomi Bumiputera serta menghasilkan usahawan Bumiputera yang lebih berdaya saing sekaligus menembusi pasaran antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH** : **27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **35**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah program-program televisyen memacu pemikiran positif di kalangan generasi muda dan adakah nisbah rancangan televisyen di negara ini seimbang untuk semua peringkat umur.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Media elektronik khususnya televisyen di negara ini memainkan peranan penting dalam membentuk sikap generasi muda pada hari ini dan untuk memantapkan hubungan silaturahim dalam kalangan keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Pada masa kini, stesen-stesen televisyen kerajaan dan swasta telah banyak menerbitkan program-program berbentuk keagamaan dan ia telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh seluruh rakyat Malaysia seperti program berbentuk realiti TV, *Akademi Al-Quran*, *Pencetus Ummah* dan sebagainya, program secara langsung dan

## SOALAN NO: 35

interaktif seperti *Tilawah Interaktif, Kalam Suci* dan lain-lain dan juga program ceramah santai seperti *Ar-Rayyan* dan sebagainya.

Kerajaan juga telah mewujudkan satu stesen TV Khas untuk semua siaran berbentuk keagamaan iaitu TV Al-Hijrah. Selain itu, terdapat juga inisiatif TV swasta yang menyediakan rangkaian khusus untuk semua siaran berbentuk keagamaan seperti *Astro Oasis*. Kualiti dan kuantiti bahan-bahan keagamaan dan pendidikan dalam media elektronik sentiasa diberikan penekanan dalam meningkatkan pegangan dan kefahaman tentang nilai-nilai akhlak dalam masyarakat.

Kementerian ini sentiasa memastikan kesemua kandungan stesen-stesen TV kerajaan ataupun swasta mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM '98), mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan di bawahnya serta Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kesemua kandungan pra-rakam seperti drama dan filem juga telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum ia boleh disiarkan di mana-mana stesen televisyen. Selain itu, pihak stesen juga sentiasa digalakkan untuk menyiarkan kandungan yang sejajar dengan aspirasi nasional dan mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan.

Semua rancangan yang disiarkan di TV dikategorikan mengikut klasifikasi seperti U – umum, PG13 (*Parental Guidance*), 18PL (terdapat sedikit unsur seram, ganas dan politik). Bagi rancangan-rancangan TV yang mempunyai sedikit unsur ganas, ia ditayangkan selepas jam 10.00 malam.

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada ahli Parlimen dibenarkan akses kepada perakaunan kewangan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan mengikut tahun sejak tahun 2004, berapa peratus daripada bajet negara bergantung kepada dividen/pendapatan PETRONAS.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Tahunan yang lengkap dengan laporan kewangan dan laporan operasi dan laporan keputusan suku tahun PETRONAS sejak tahun 2001 disiarkan dalam laman web PETRONAS iaitu [www.petronas.com](http://www.petronas.com) dan boleh dimuat-turunkan oleh semua pihak umum, termasuk ahli-ahli Parlimen. Pendedahan dan ketelusan PETRONAS dalam melaporkan laporan prestasi dan aktiviti yang dijalankan telah pun dibuat secara menyeluruh dan terperinci untuk dikaji dan diteliti oleh mana-mana pihak yang berminat.

Jumlah sumbangan PETRONAS dan hasil petroleum kepada bajet negara sejak tahun 2004 hingga 2012 adalah seperti berikut:

<b>Tahun Kewangan</b>	<b>% Sumbangan PETRONAS kepada Hasil Kerajaan Persekutuan</b>	<b>% Sumbangan Hasil Petroleum Kepada Hasil Kerajaan Persekutuan</b>
2004	19%	25%
2005	26%	29%
2006	31%	37%
2007	32%	37%
2008	36%	40%
2009	43%	40%
2010	34%	35%
2011	31%	36%
2012	35%	34%

Sumber: Kementerian Kewangan

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD**  
**IMRAN BIN ABD HAMID (B)**  
**KAWASAN : LUMUT**  
**TARIKH : 27 MAC 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada jambatan yang menghubungkan Kampung Teluk dengan Kampung Baharu dalam Parlimen Lumut boleh disiapkan pada Mei 2015 kerana diperhatikan kemampuan pembinaannya terlalu perlahan. Dikhuatiri peruntukan asal RM20 juta akan membengkak jika tertangguh.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jambatan dari Kg. Baharu ke Kg. Teluk, Manjung ialah projek di bawah Kerajaan Negeri Perak yang dilaksanakan menerusi pengawasan JKR Daerah Manjung. Projek dengan kos kontrak sebanyak RM17.3 juta itu mengambil tempoh pembinaan selama 18 bulan iaitu sehingga 18 April 2015. Pada masa kini kemajuan fizikal di tapak ialah 48% (sebenar) berbanding 51% (jadual). Sehubungan itu, JKR Daerah akan menggiatkan pemantauan terhadap pelaksanaan projek ini untuk memastikan ia dapat disiapkan mengikut tempoh masa, kos dan kualiti yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI – DAP ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 38)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah permohonan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkaitan aktiviti sukan dan belia yang diluluskan, ditolak dan digantung mengikut pecahan daerah, aktiviti NGO dan tahun daripada 2008 hingga 2013. Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada NGO ini mengikut pecahan kejohanan kebangsaan dan antarabangsa

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkaitan aktiviti sukan yang diluluskan bagi tahun 2008 hingga 2015 adalah sebanyak 8,520 permohonan dan yang ditolak adalah sebanyak 1,314 permohonan.
2. Manakala bagi aktiviti belia, sebanyak 10,757 permohonan telah diluluskan dan sebanyak 1,541 permohonan telah ditolak.
3. Jumlah peruntukan yang diberikan kepada NGO adalah bergantung kepada peruntukan sedia ada dan permohonan bantuan oleh NGO hendaklah menepati garis panduan pemberian bantuan kementerian yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**(SELAYANG)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **27.03.2014**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah yang disebabkan oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengurangkan suntikan mudah tunai (*tapering of quantitative easing*) terhadap pengaliran keluar modal asing dan kejatuhan nilai Ringgit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat , pengumuman *tapering*

*of quantitative easing* atau pengurangan skala program pelonggaran kuantitatif (QE) secara beransur-ansur oleh *Federal Reserve* Amerika Syarikat (Fed) pada pertengahan bulan Mei 2013, impaknya ada memberi kesan ke atas ekonomi global, termasuk Malaysia. Dalam hal ini, pengumuman tersebut dibuat apabila terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaan ekonomi Amerika Syarikat semakin pulih. Penilaian dan tindakan pihak Fed ini secara tidak langsung akan memberikan manfaat kepada ekonomi global, termasuk Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Pelaksanaan dasar monetari yang bukan konvensional, termasuk program QE di negara maju sejak tahun 2008, telah meningkatkan aliran mudah tunai global dan modal ke rantau Asia dengan ketara. Walau bagaimanapun, apabila terdapat jangkaan bahawa pihak Fed akan mengurangkan skala program QE pada pertengahan bulan Mei 2013 dan pengumuman yang dibuat pada bulan Disember 2013, telah menyebabkan pengaliran keluar portfolio yang besar daripada negara-negara ekonomi serantau terutamanya Asia dan seterusnya memberi

tekanan menurun terhadap nilai mata wang dan harga aset.

3. Selari dengan pengumuman pengurangan QE, nilai ringgit menyusut sebanyak 8.1% sejak pertengahan bulan Mei 2013 hingga awal bulan Mac 2014. Dalam masa yang sama, bagi tempoh suku ketiga 2013, telah berlaku pengaliran keluar portfolio pelaburan sebanyak RM9.7 bilion. Indeks KLCI juga pada mulanya menurun sebanyak 5.7%, telah meningkat semula sebanyak 2.3%, didorong oleh pandangan positif para pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

4. Walaupun saiz dan ketidaktentuan aliran keluar modal telah meningkat dalam tempoh tersebut, pelarasan mata wang dan pasaran kewangan domestik adalah tidak terlalu ketara. Sebagai contoh, dalam pasaran mata wang, penyusutan nilai ringgit sebanyak 8.1% adalah selari dengan penyusutan nilai mata wang serantau<sup>[1]</sup> yang lain dalam julat 0.7% hingga 14.0%. Dalam pasaran bon, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia hanya meningkat sebanyak 54.3 mata asas, berbanding dengan peningkatan berpurata 101.4 mata asas di negara serantau lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Sistem kewangan domestik yang lebih mendalam dan kepelbagaian instrumen dasar yang ada telah membolehkan penggubal dasar di Malaysia menguruskan turun naik dalam pasaran kewangan dengan lebih berkesan. Pertama, sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) telah memberikan fleksibiliti kepada mata wang ringgit untuk menjadi penstabil automatik terhadap perkembangan luaran yang buruk. Ini disokong oleh tahap rizab antarabangsa yang tinggi, yang telah meningkat daripada RM70.4 bilion (USD28 bilion) pada tempoh sebelum Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997 - 1998, kepada RM427.6 bilion (USD130.6 bilion) pada bulan Februari 2014. Kedua, keupayaan pasaran kewangan untuk menjadi pengantara bagi aliran keluar masuk modal juga telah bertambah baik. Sektor kewangan yang kukuh, pasaran kewangan yang mendalam dan permintaan yang meningkat daripada para pelabur institusi domestik telah mengurangkan impak aliran modal yang tidak menentu serta gangguan kepada pembiayaan dan aktiviti ekonomi.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran pertukaran asing dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa risiko-risiko, termasuk kesan limpahan daripada ekonomi yang lain, adalah terkawal. Dalam hal ini, meskipun berlaku ketidaktentuan persekitaran global termasuk pengurangan QE, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 4.7% pada tahun 2013.

[1] Kecuali renminbi China yang tidak berubah berbanding dengan dolar AS dan won Korea yang menambah nilai berbanding dengan dolar AS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 MAC 2014 ( KHAMIS )

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini pemaju perumahan yang telah pun disenaraihitamkan oleh Jabatan Perumahan Negara.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sektor perumahan merupakan sektor yang berkembang pesat dan penting bagi ekonomi negara. Untuk itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara telah meningkatkan penguatkuasaan terhadap pemaju perumahan bagi memastikan kepentingan rakyat yang ingin memiliki rumah terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan pengkompaunan dan pendakwaan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] akan dikenakan terhadap pemaju yang ingkar dan gagal memenuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, bagi mengelakkan orang ramai tidak terpedaya dengan pemaju perumahan yang mempunyai rekod yang tidak baik, Kementerian telah mengambil tindakan menyenaraihitamkan pemaju atas sebab berikut:-

- (i) pemaju perumahan yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai;
- (ii) pemaju perumahan yang gagal mematuhi award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR);
- (iii) pemaju perumahan yang gagal membayar kompaun bagi kesalahan yang dilakukan;
- (iv) pemaju perumahan yang terlibat dengan projek perumahan sakit; dan
- (v) pemaju perumahan yang disabitkan kesalahan di bawah Akta 118 dengan dengan melebihi RM10,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 1,164 pemaju perumahan telah disenaraihitam oleh Kementerian.

Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah yang terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan yang baru daripada Kementerian. Pemaju juga tidak akan dapat untuk memperbaharui permit iklan dan jualan yang sedia ada.

Senarai pemaju yang disenarai hitam dan projek perumahan yang bermasalah dipaparkan di laman sesawang Kementerian ([www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)). Senarai tersebut akan dikemaskinikan setiap bulan bagi memastikan pembeli mendapat maklumat yang terkini dan tepat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sektor perladangan dan komoditi, iaitu kelapa sawit, getah, kayu kayan, koko, lada hitam dan tembakau telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada pembangunan ekonomi negara sejak 54 tahun yang lalu. Nyatakan jumlah pendapatan negara melalui hasil sumbangan kesemua sektor perladangan ini.**

**Jawapan :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perladangan dan komoditi yang meliputi minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan tembakau merupakan salah satu tunggak utama ekonomi dan penyumbang penting kepada pendapatan eksport negara.

Sumbangan sektor ini kepada pendapatan eksport negara sejak tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pendapatan Eksport (RM bilion)</b>
2009	100.84
2010	114.19
2011	141.41
2012	127.26
2013	114.52

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI**  
**(PANDAN)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **27.03.2014**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang terkumpul yang ditanggung oleh 1MDB sejak ditubuhkan hingga sekarang dan berapa banyak dari jumlah hutang itu yang membabitkan sokongan kewangan dan/atau jamin daripada Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikutsepertimana dilaporkan dalam penyata tahunan berakhir 31 Mac 2012 yang telah difailkan dengan

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), hutang terkumpul 1MDB pada penghujung tahun 2012 adalah sebanyak RM7.9 bilion. 1MDB kini dalam proses menyediakan penyata tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013.

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

1MDB telah memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya bon dan pinjaman 1MDB sebanyak RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit daripada Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan daripada Kerajaan bagi bon atau pinjaman yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, 1MDB membuat pinjaman dan menerbitkan bon untuk mendapatkan dana bagi memajukan projek-projeknya. Terimaan daripada terbitan bon-bon 1MDB ini digunakan untuk membiayai operasi syarikat, termasuklah begi pembelian syarikat stesen janakuasa elektrik dan pembangunan projek hartanah strategik.

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

**i. Tun Razak Exchange**

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan

masa depan, sebagai contoh, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya global.

## ii. **Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur Kepada Bandar Malaysia**

Bandar Malaysia, dengan anggaran kos pembangunan berjumlah RM50.03 bilion (*Gross Development Cost*) dan nilai pembangunan berjumlah RM63.19 bilion (*Gross Development Value*), adalah satu projek pembangunan bersepadu untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon

kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

### iii. **Sektor Tenaga**

Sektor tenaga, dengan nilai pelaburan berjumlah RM11.8 bilion, juga merupakan salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings dan Genting Sanyen ditelah dilakukan pada tahun 2012 manakala Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6570**

**SOALAN:**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tiadanya sebarang tindakan diambil sehingga hari ini terhadap Mohamed Ghani Abdul Jiman yang cuba menghadiahkan keranda kepada Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi KOMTAR pada 12 Mac 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Siasatan telah dibuka berkait Jalan Patani Repot 2262/2011, di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 27 Akta Polis, siasatan terperinci telah dijalankan di mana kertas siasatan telah dirujuk ke kamar Jabatan Peguam Negara Pulau Pinang dan Putrajaya pada 27 Jun 2013. Kes telah diputuskan oleh Jabatan Peguam Negara iaitu tiada tindakan lanjut atau *No Futher Action*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN  
NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6571**

**SOALAN:**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya keberkesanan pelaksanaan Ops Cantas akan diteruskan dan bagaimana Kerajaan memantau pihak berkuasa yang dikhuatiri menjadi tali barut atau bersubahat. Berikan statistik terkini kes jenayah berat selepas pelaksanaan Ops Cantas.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak pihak polis telah melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 17.5% daripada 370 kes kepada 305 kes dalam tempoh 201 hari operasi ini dilaksanakan sehingga 4 Mac 2014 yang lalu.**

**Secara keseluruhannya sepanjang Op Cantas dilaksanakan seramai 2,161,219 orang telah dibuat pemeriksaan dan dari jumlah itu seramai 59,004 orang telah ditangkap. Daripada jumlah yang ditangkap terdiri daripada 25,585 orang berbangsa Melayu (24,333 (L) 1,252 (P)), 12,245 orang berbangsa India (11,964 (L) 221 (P)), 7,458 orang berbangsa Cina (6,997 (L) 461 (P)) dan 13,716 orang terdiri daripada lain-lain bangsa (11,473 (L) 2,243 (P)).**

**Selain itu kejayaan lain yang diperolehi oleh pihak polis adalah berjaya membuat rampasan sejumlah 1,981 pelbagai jenis senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis mempercayai senjata api dan**

senjata berjadual yang dirampas itu digunakan oleh kumpulan berkenaan untuk melakukan jenayah. Pihak polis juga telah merampas sejumlah 1,386 jenis kenderaan yang digunakan untuk melakukan jenayah atau yang diperolehi melalui aktiviti jenayah mereka atau kenderaan yang dicuri.

Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 30,438 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 6,669 kes telah dituduh di mahkamah, 22,471 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,928 kes tiada tindakan di ambil.

Berdasarkan kajian oleh *Frost & Sullivan* yang dijalankan pada bulan Julai, September dan Oktober 2013 berdasarkan persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan dan kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM telah menunjukkan impak yang positif. Kajian persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan (penilaian rasa takut menjadi mangsa jenayah) pada bulan Oktober 2013 adalah sebanyak 38% berbanding 57% pada tempoh yang sama tahun 2012, menurun sebanyak 19%. Penurunan ini menunjukkan tanda-tanda positif sokongan dan kerjasama dari masyarakat setempat secara berterusan terhadap usaha-usaha PDRM dalam aktiviti pencegahan jenayah.

Selain daripada kajian yang dijalankan oleh pihak asing, Bahagian Penyelidik dan Pembangunan (R&D) PDRM juga akan menjalankan kajian impak secara dalaman pada awal April 2014 tentang keberkesanan Op Cantas ini. Kajian ini untuk mengenalpasti

kelemahan dan menambahbaik pelaksanaan operasi yang dijalankan. Sebagai langkah tambah nilai untuk menentukan operasi yang dijalankan oleh pihak polis memberi kesan dan menimbulkan rasa *fear to be caught* kepada penjenayah dan juga untuk menentukan operasi yang dijalankan secara berterusan dan tidak bermusim, pihak polis telah menubuhkan pasukan khas untuk menangani masalah jenayah berat dan aktiviti penyeludupan dadah iaitu *Special Task Force On Organised Crime* (STAFOC) dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) dengan kekuatan seramai 400 orang pegawai dan anggota yang berpangkalan di Bukit Aman.

Pihak Kementerian mempercayai dengan langkah yang diambil melalui Op Cantas ini dan juga dengan penubuhan jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ) dalam pasukan polis, masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat ditangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membanteras jenayah. Saya juga menyeru semua wakil-wakil rakyat tanpa mengira idelogi politik masing-masing untuk bersama membantu mengurangkan kadar jenayah dan anggaplah masalah jenayah sebagai agenda nasional yang memerlukan komitmen semua pihak bukan diletakkan sepenuhnya di bahu pihak penguatkuasaan semata-mata.

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6572**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pendatang tanpa izin (PATI) yang ditahan, jumlah yang dibelanjakan sebelum dihantar balik ke negara asal dan kedudukan PATI yang tidak memiliki dokumen asal.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan di semua depot tahanan di negara ini mulai tahun 2011 sehingga Februari 2014 adalah seramai 163,222 orang. Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi makan dan minum dan penghantaran pulang ke negara bagi seramai 154,797 orang dari tahun 2011 hingga 28 Februari 2014 ialah sebanyak RM41,955,132.77.**

**PATI yang ditangkap bagi kesalahan tidak memiliki pasport/dokumen perjalanan, tindakan pengusiran ke negara asal masing-masing tetap akan diadakan. Jabatan Imigresen akan berurusan dengan perwakilan negara yang berkenaan bagi menentukan status kewarganegaraan dan seterusnya mendapatkan pasport/dokumen perjalanan terlebih dahulu bagi PATI tersebut. Pada ketika ini terdapat 8 orang PATI yang masih ditahan kerana kewarganegaraan mereka belum dapat dipastikan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING

TARIKH: 27 MAC 2013

SOALAN:

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat perlindungan terhadap pelanggan yang menggunakan pembantu rumah asing daripada segi pembayaran hampir puluhan ribu yang dibayar kepada agen-agen. Apakah langkah-langkah yang ada bagi memastikan bahawa tiada agen yang menyalah gunakan lesen mereka di mana kes lari adalah di rancang supaya boleh mendapat pembayaran pendahuluan yang lumayan daripada pelanggan.

PR-1321-L60623

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sangat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh majikan yang menggajikan Pembantu Rumah Asing (PRA) khususnya yang diambil melalui khidmat agen. Pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menguatkuasakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)

yang hanya mengiktiraf agen yang berdaftar secara sah melalui Akta 246 ini.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada ketika ini pihak kerajaan tidak menetapkan kos secara spesifik bagi mengambil seorang PRA dan ia adalah ditentukan oleh kuasa pasaran. Walau bagaimanapun, menyedari beban yang perlu ditanggung oleh majikan untuk menggajikan seorang PRA, pihak kerajaan telah dan akan mengambil langkah untuk menetapkan kos pengambilan bagi mengelakkan eksploitasi oleh agen yang tidak bertanggungjawab menerusi perjanjian dengan negara sumber.

3. Pada ketika ini, pihak kerajaan menerusi KSM telah mengadakan perjanjian bersama Pemerintah Indonesia melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkemas proses dan prosedur serta syarat-syarat bagi pengambilan dan penempatan pembantu rumah termasuklah struktur kos daripada negara berkenaan pada 30 Mei 2011. Menerusi perjanjian tersebut, terma dan syarat baru telah diwujudkan bagi melindungi Pembantu Rumah Indonesia (PRI) dan majikan khususnya dalam menangani masalah agen-agen yang tidak bertanggungjawab.

### **Langkah-Langkah Yang Ada Bagi Memastikan Bahawa Tiada Agen Yang Menyalah Gunakan Lesen**

4. Bagi menangani agen yang menyalahgunakan lesen, pihak KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bekerjasama dengan

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah:

- a. Mengetatkan pengeluaran dan pembaharuan lesen kepada agen yang berhasrat untuk beroperasi dan menjalankan aktiviti perniagaan tersebut;
- b. Bagi PRA negara sumber yang mempunyai perjanjian melalui MoU seperti Indonesia, KSM menetapkan syarat hanya agen yang bersedia untuk mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di bawah peruntukkan MoU sahaja yang akan dilantik untuk menguruskan pengambilan dan penempatan;
- c. Menyenyaraihitamkan APS yang didapati melakukan kesalahan dengan tidak membenarkan mereka untuk menguruskan pengambilan dan penempatan PRA di negara ini; dan
- d. Membatalkan lesen apabila mendapati agen telah melakukan kesalahan yang serius seperti yang diperuntukan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dan peraturan JIM.

5. Selain itu, pihak KSM dan KDN juga turut menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) dengan tujuan untuk menangani kes-kes pemerdagangan

dan penyeludupan migran khususnya yang melibatkan buruh asing seperti PRA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**[TENOM]**

**TARIKH** : **27 MAC 2014**

**SOALAN** : **Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pemantauan Malaysia terhadap COMANGO yang merupakan satu pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) haram yang menghantar laporannya ke Majlis Hak Asasi Manusia (HRC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tujuan Semakan Berkala Sejagat di Geneva yang berlangsung setiap empat tahun sekali sejak 2009.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom di atas soalan yang telah dikemukakan. Saya akan menjawab isu-isu yang beliau bangkitkan dalam konteks proses Penilaian Berkala Sejangat atau dengan izin, proses *Universal Periodic Review* (UPR) Malaysia yang telah berlangsung pada 24 Oktober yang lalu di Geneva, Switzerland.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya kira Dewan yang mulia ini sudah pun maklum bahawa Malaysia telah menjalani proses UPR buat kali yang kedua pada 24 Oktober 2013 yang lalu. UPR merupakan satu proses dialog yang konstruktif dan interaktif yang dilaksanakan di antara Malaysia selaku negara yang dinilai dengan negara-negara ahli PBB yang lain.

3. Semasa proses dialog tersebut, Malaysia berpeluang untuk berkongsi antara lain, langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, pencapaian dan juga cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha memartabatkan hak asasi manusia di dalam negara kita ini.

4. Penglibatan NGO dalam proses UPR adalah melalui penyediaan satu Laporan *Stakeholder*. Bagi Malaysia, laporan

intervensi pihak Kerajaan semasa proses dialog UPR pada 24 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Berkenaan pengumuman yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri pada 8 Januari 2014 mengenai status COMANGO, Kementerian Luar Negeri mengambil maklum bahawa COMANGO telah diisytiharkan sebagai satu gabungan pertubuhan yang tidak berdaftar berdasarkan rekod yang disemak oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]  
**TARIKH** : 27 MAC 2014 (KHAMIS)  
**SOALAN** : Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang bantuan-bantuan dan subsidi kepada nelayan-nelayan dan petani-petani:
- (a) jumlah peruntukan yang disediakan untuk setiap bantuan tahun ini; dan
  - (b) adakah sebarang bantuan akan diberikan kepada nelayan-nelayan yang bot mereka telah dicuri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

(a)

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak **RM3.644 bilion** pada tahun 2014 bagi tujuan pemberian bantuan kepada petani dan nelayan.

Bantuan bagi Industri Padi dan Beras

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2.201 bilion** diperuntukkan bagi pemberian bantuan di bawah industri padi dan beras meliputi 5 jenis bantuan iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85 juta
2	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	465 juta
3	Insentif Pengeluaran Padi	563 juta
4	Subsidi Harga Padi	480 juta

5	Insentif Peningkatan Hasil	80 juta
6	Subsidi Harga Beras (ST15%)	528 juta
<b>Jumlah</b>		<b>2.201 bilion</b>

#### Pemindahan Teknologi bagi Industri Tanaman

Bagi tujuan pemindahan teknologi kepada petani, jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Jabatan Pertanian bagi setiap bantuan adalah sebanyak **RM12.01 juta** pada tahun 2014 seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bantuan/ Projek</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	1.71 juta
2	Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) – Pembangunan Tanah Terbiar	2.5 juta
3	Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-buahan	500 ribu
4	Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan	750 ribu
5	Pembangunan Kluster Tanaman Durian Batu Kurau, Perak	1 juta
6	Pembangunan Kluster Tanaman Durian Raub, Pahang	750 ribu
7	Pembangunan Kluster Tanaman Rambutan, Baling, Kedah	700 ribu
8	Pembangunan Kluster Tanaman Mangga Harumanis, Perlis	750 ribu
9	Pembangunan Kawasan Tanaman Kelapa	2 juta
10	Pembangunan Industri Cendawan	500 ribu
11	Pakej Amalan Teknologi Lebah Madu	350 ribu
12	Pakej Amalan Teknologi Florikultur	500 ribu
<b>Jumlah</b>		<b>12.01 juta</b>

### Bantuan untuk Nelayan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menyediakan bantuan dan insentif bagi membantu golongan nelayan di negara kita dengan peruntukan sebanyak **RM1.431 bilion** merangkumi bantuan-bantuan seperti:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	Subsidi Diesel dan Petrol	1.2 bilion
2	Elaun Sara Hidup Nelayan	137 juta
3	Insentif Tangkapan Ikan	92 juta
4	Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan	2 juta
<b>Jumlah</b>		<b>1.431 bilion</b>

Selain itu, Kementerian turut menyediakan Insurans Nelayan bernilai RM100 setahun bagi setiap nelayan melalui potongan daripada Elaun Sara Hidup Nelayan. Sehingga 31 Disember 2013, bilangan nelayan yang sedang diinsuranskan adalah seramai 70,297 orang.

(b)

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum menyediakan sebarang bantuan kepada nelayan yang mana bot mereka telah dicuri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
**[ PERMATANG PAUH ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kakitangan hospital-hospital Kerajaan akibat jangkitan penyakit-penyakit berjangkit dan denggi, dan sejauh mana serius masalah ini mengakibatkan kekurangan kakitangan di hospital-hospital Kerajaan kini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bilangan kes demam denggi di kalangan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2013 adalah sebanyak 224 kes dengan 1 kematian, manakala pada tahun 2014 sehingga 15 Mac 2014 adalah sebanyak 37 kes dengan 1 kematian dilaporkan. Kadar kes tuberkulosis (TB) adalah 0.96 per 1,000 anggota KKM pada tahun 2012 dan 0.91 per 1,000 anggota KKM pada tahun 2013.

Bagi kakitangan hospital yang perlu mengambil cuti sakit akibat jangkitan penyakit-penyakit berjangkit dan denggi, secara purata jumlah hari cuti sakit yang diambil pada satu-satu masa kebanyakannya 3-4 hari dan tidak melebihi 7 hari secara berturutan. Walaupun terdapat kakitangan yang terpaksa mengambil cuti yang lebih lama bagi sesetengah jangkitan penyakit berjangkit (contoh : TB 4 minggu) , tetapi jumlah mereka adalah terlalu minima pada satu-satu masa jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kakitangan kesihatan Kementerian Kesihatan.

Buat masa kini, jumlah kakitangan kesihatan Kementerian Kesihatan adalah seramai 25,300 orang doktor, 2,600 orang doktor gigi, 77,400 orang jururawat, 5,700 orang staf farmasi dan 11,800 orang staf sokongan kesihatan bersekutu. Dengan kapasiti yang sedia ada, sebarang masalah kesihatan yang dihadapi oleh kakitangan kesihatan sama ada di hospital mahupun di klinik-klinik Kerajaan, mekanisma yang sedia ada (*deployment of staff*) dapat menampung kekurangan staf semasa mereka bercuti sakit dan perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital Kerajaan akan sentiasa dipastikan berada di tahap yang sebaik-baiknya dan berlancar lancar demi kesejahteraan rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.  
Khairuddin bin Aman Razali  
[ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 50**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pecahan pembinaan dan baik pulih rumah yang telah dilakukan pada tahun 2013 di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), telah diperuntukkan sejumlah **RM 971.17 juta** dari tahun 2011 sehingga 2014 untuk membina baru rumah dan membaik pulih rumah masyarakat luar bandar yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar dengan keutamaan diberi kepada ibu tunggal dan orang tua. Di samping itu, skop penerima bantuan turut meliputi golongan miskin yang menerima musibah seperti banjir dan kebakaran. PBR juga membantu veteran ATM untuk memiliki rumah yang selesa dan selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tahun 2013 bagi program PBR, KKLW adalah sebanyak **RM189.25 juta**. **Bilangan unit rumah yang telah dibina baru adalah 2,817 manakala 8,201 unit rumah telah di baik pulih bagi tahun tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**[ SIPITANG ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah jangka panjang yang dirangka untuk mengurangkan kadar kes denggi dan juga H1N1 yang mencatatkan peningkatan sejak kebelakangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan ke atas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan

aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu

semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.

8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awam mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media massa perdana dan media sosial.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi kes jangkitan virus influenza A (H1N1), KKM ingin memaklumkan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan negara-negara di dunia tidak lagi memantau jangkitan virus H1N1 secara khusus serta tiada keperluan bagi mana-mana negara untuk melaporkan kejadian jangkitan H1N1 kepada pihak WHO. Ini disebabkan cara jangkitan, tanda-tanda

jangkitan dan risiko untuk mendapat jangkitan dan komplikasi akibat H1N1 adalah serupa dengan influenza bermusim (*seasonal influenza*) yang lain.

Cara jangkitan virus influenza bermusim termasuk H1N1 di dalam komuniti adalah seperti mana lain-lain virus influenza bermusim, iaitu melalui cecair (*droplet*) batuk atau bersin mereka yang dijangkiti.

Sejarah dunia telah membuktikan bahawa jangkitan influenza berpotensi untuk mencetuskan kejadian pandemik (*influenza pandemic*) sekali pada setiap kitaran 20 hingga 30 tahun. Kejadian pandemik influenza berlaku apabila virus influenza yang berasal dari haiwan menyebabkan rangkaian berterusan penularan dari seorang manusia kepada manusia yang lain (*sustained human-to-human transmission*), seterusnya menyebabkan terjadinya wabak secara berleluasa dalam komuniti.

Justeru, aspek kesiapsiagaan Negara perlu diperkukuhkan dalam menghadapi kemungkinan tersebut. Untuk tujuan itu, aktiviti surveilan influenza dilaksanakan sebagai salah satu dari langkah kesiapsiagaan terbabit. Aktiviti tersebut melibatkan sejumlah lebih dari 300 fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta di seluruh Negara.

KKM ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah mudah pencegahan penularan jangkitan influenza sebagaimana yang telah dihebahkan secara berulang kali sebelum ini. Ini termasuklah mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand*

*sanitizer*, mengamalkan adab batuk yang baik dan mengamalkan cara hidup sihat. Ia berkesan kepada semua jenis influenza dan kita tidak harus hanya menumpukan kepada influenza A (H1N1) tetapi semua bentuk influenza atau demam selsema kerana cara jangkitan, gejala dan risiko adalah sama.

Individu yang mempunyai gejala *influenza-like illness* (ILI) adalah dinasihatkan untuk berehat di rumah dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai. Sementara individu yang bergejala ILI terutamanya mereka yang terdiri daripada golongan berisiko tinggi perlu mendapatkan rawatan di klinik yang berdekatan.

Selain itu, individu yang lebih berisiko mendapat jangkitan dan komplikasi akibat influenza (seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik) adalah digalakkan supaya mendapatkan pelalian vaksin influenza bermusim yang turut meliputi H1N1 yang berada di pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD**  
**[ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit-pesakit mental di Malaysia dan Kelantan pada tahun ini. Dari bilangan ini berapa ramai adalah dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan kes pesakit mental dan gangguan tingkah laku yang di discaj dari hospital dan institusi mental Kerajaan seluruh Malaysia pada tahun 2012 adalah 13,145 kes. Statistik pesakit mental di negeri Kelantan pada tahun 2013 adalah seramai 681 orang .

Kajian pada tahun 2011 mendapati bahawa prevalen kemurungan di kalangan masyarakat dewasa adalah 1.8%, manakala prevalen keresahan adalah 1.7%. Berdasarkan bilangan penduduk masa kini (28,800,000 orang), adalah dijangkakan 518,400 orang menghadapi kemurungan. Prevalen kemurungan bagi perempuan adalah 2.3%

berbanding 1.4% bagi lelaki. Prevalen gangguan mental yang lebih tinggi adalah di kalangan kaum India (4.6%) berbanding kaum Cina (1.3%) dan kaum Melayu (1.6%). Kumpulan umur 16–24 tahun menunjukkan peratusan kemurungan yang paling tinggi (2.3%) diikuti dengan umur lebih 65 tahun (2.2%) dan seterusnya umur 35-44 (1.95%).

Data kemasukan ke hospital Kerajaan pada tahun 2012 pula, menunjukkan seramai 637 orang dimasukkan ke hospital akibat gangguan mental dan gangguan tingkahlaku yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Prevalen gangguan mental akibat penyalahgunaan dadah adalah lebih tinggi di kalangan mereka yang berumur 25–29 tahun (20.4%) dan seterusnya di kalangan umur 30–34 tahun (19%).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Puan Nurul Izzah binti Anwar**  
**[ Lembah Pantai ]**  
**TARIKH** : **27.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) tindakan Kementerian dalam meringankan beban kerja guru-guru berikutan penambahan kertas kerja yang memerlukan pelengkapan data di dalam Sistem Pengurusan Sekolah; dan
- (b) kos serta hasil laporan keputusan projek perintis PBS sebelum sistem ini dilaksanakan secara meluas di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Dalam usaha meringankan beban kerja guru-guru termasuk tugas melengkapkan data dalam Sistem Pengurusan Sekolah, selain melaksanakan intergrasi data maklumat murid, pengumuman yang dibuat oleh YAB Menteri Pendidikan pada 19 Mac 2014, mengenai penambahbaikan pelaksanaan PBS, telah dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.
- b) Kos keseluruhan termasuk pelaksanaan rintis Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sehingga penghujung 2013 adalah sebanyak RM24 juta yang melibatkan perbelanjaan bagi;

- i. Latihan guru sekolah menengah seramai 102,000 guru tingkatan 1,2 dan 3, manakala 336,000 guru sekolah rendah bagi tahun 1,2,3,dan 4;
- ii. Penyediaan pakej Dokumen Standard Prestasi (DSP) PBS;
- iii. Pembinaan item Pentaksiran Pusat; dan
- iv. Penataran PBS

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH [SETIU]  
**TARIKH** : 27 MAC 2014 (KHAMIS)  
**SOALAN** : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan usahawan muda dalam bidang pertanian yang dijangka akan dilahirkan melalui program Agropreneur Muda di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) serta nyatakan sejauh manakah kejayaan Program Pembangunan Usahawan Muda (PPUM) bagi menggalakkan belia menceburi bidang perniagaan.

**JAWAPAN OLEH** : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**Tuan Yang Dipertua,**

Perancangan KPI Unit Agropreneur Muda bagi tahun 2014 telah menetapkan sasaran pembangunan 1,200 Agropreneur Muda dimana belia yang terpilih mempunyai dua pilihan untuk mendapat kemudahan pinjaman laluan mudah bagi pembiayaan projek melalui TEKUN Nasional dan AgroBank.

TEKUN Nasional akan membangunkan 100 agropreneur muda melalui dana pembiayaan selaras dengan KPI MOA tahun 2014 untuk membangunkan 100 usahawan muda bagi setiap Jabatan dan Agensi di bawah MOA

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.03.2014**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan penyewaan dan penyenggaraan kenderaan rasmi setiap jabatan, Kementerian yang diberi kepada Syarikat SPANCO Sdn. Bhd. sejak tahun 2000 sehingga tahun 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos pajakan bulanan yang terdiri daripada kos penyewaan dan penyenggaraan bagi sejak dari 2000-2014

adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>SEWA BERSIH (RM)</b>	<b>SENGGARAAN &amp; PEMBAIKAN (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
2000	73,368,577	20,441,870	93,810,447
2001	76,424,948	17,315,215	93,740,163
2002	84,170,058	18,930,918	103,100,976
2003	91,258,052	21,966,312	113,224,364
2004	89,615,065	25,840,117	115,455,182
2005	77,503,599	24,422,167	101,925,766
2006	80,776,986	20,957,205	101,734,191
2007	87,326,359	24,452,671	111,779,030
2008	123,254,748	32,814,322	156,069,070
2009	147,019,760	43,193,593	190,213,353
2010	155,629,810	49,694,099	205,323,908
2011	167,588,039	52,734,737	220,322,776
2012	173,347,603	59,245,507	232,593,110
2013	184,952,460	65,399,021	250,351,482
2014*	16,310,276	5,233,743	21,544,019
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>1,628,546,341</b>	<b>482,641,498</b>	<b>2,111,187,838</b>

\*sehingga Januari 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah perbelanjaan rumah terbuka Perdana Menteri dan anggota Kabinet yang diadakan di Kompleks Seri Perdana Putrajaya dan nyatakan perbelanjaan tersebut mengikut tahun dari tahun 2009-2013.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri YAB Perdana Menteri dan Ahli Jemaah Menteri yang dihadiri oleh tetamu yang terdiri daripada rakyat pelbagai bangsa, agama, dan lapisan masyarakat.

Selain itu, majlis tersebut juga turut dihadiri oleh pelancong-pelancong asing serta tetamu kenamaan dalam kalangan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, Duta-duta dan perwakilan asing di Malaysia serta tokoh-tokoh korporat tempatan dan luar negara.

Perbelanjaan rumah terbuka Perdana Menteri dan Ahli Jemaah Menteri di Kompleks Seri Perdana yang diadakan dari tahun 2009 hingga 2013 meliputi pelbagai perbelanjaan. Kos perbelanjaan makan dan minum adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KOS (RM)</b>
2009	1,715,000.00
2010	2,070,000.00
2011	1,697,500.00
2012	2,832,400.00
2013	2,880,000.00

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Noraini binti Ahmad  
[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 57**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah kriteria dan pendekatan yang diguna pakai oleh Kementerian dalam melaksana projek-projek pelebaran jalan-jalan kampung dan senggaraan jalan di bawah Projek Jalan Kampung (PJK) yang dilaksanakan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) agar ianya sesuai dengan status negara maju yang ingin dicapai.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah membuat penambahbaikan dalam kriteria dan pendekatan pelaksanaan projek Jalan Perhubungan Desa (dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung). Penambahbaikan yang dibuat ini bertujuan untuk membolehkan jalan-jalan kampung dilebarkan sehingga 14 kaki maksima bagi membolehkan dua buah kenderaan berselisih. Kerja-kerja pelebaran jalan kampung dan senggaraan jalan kampung ini dilaksanakan oleh Kementerian mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan. Selain itu, pelebaran jalan-jalan kampung juga tertakluk kepada rizab jalan sedia ada, perlu mendapat izin lalu daripada tuan tanah dan memberi faedah tidak kurang daripada 50 orang pengguna jalan raya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]**  
**TARIKH** : **27.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil untuk merombak semula buku-buku teks sejarah sekolah untuk memastikan mereka menggambarkan sejarah negara yang sebenar dan sewajarnya, dan tidak berat sebelah dan berpilih kasih, seakan-akan ianya sejarah UMNO.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Fakta sejarah yang dikemukakan dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah memaparkan peristiwa sejarah tanah air yang sebenarnya dan tidak berat sebelah kepada mana-mana kaum di Malaysia. Melalui transformasi kurikulum, organisasi kurikulum bagi mata pelajaran Sejarah dirancang secara teliti dan mantap dari segi kesepaduan dalam pengetahuan, kemahiran serta elemen kewarganegaraan dan patriotik turut diterapkan.

Transformasi dalam organisasi kurikulum Sejarah ini dilaksanakan bagi melahirkan murid yang dapat menghayati, mengamalkan dan seterusnya mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah. Segala aspek yang berkaitan dengan sejarah pembentukan negara, perlembagaan negara, sejarah Malaysia

moden dan perpaduan nasional adalah perkara yang penting dan diambil kira dalam penggubalan kurikulum mata pelajaran Sejarah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin kualiti transformasi kurikulum mata pelajaran Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sekolah Menengah**. Jawatankuasa ini terdiri daripada para sejarawan dan ahli akademik tempatan dari pelbagai kepakaran dalam bidang sejarah yang berfungsi untuk mengawal mutu kurikulum yang dihasilkan mengikut kehendak semasa. Jawatankuasa Khas ini bertujuan untuk mendapatkan cadangan dan pandangan bagi memantapkan kurikulum dan kandungan buku teks sejarah selaras dengan Transformasi Kurikulum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rangsangan dan bantuan Kementerian demi menggalakkan usaha pertubuhan-pertubuhan swasta yang mendirikan muzium masing-masing.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan muzium adalah sesuatu yang digalakkan bagi tujuan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang ramai tentang sejarah, budaya, alam semulajadi dan lain-lain perkara yang bersesuaian. Muzium juga sentiasa menjadi destinasi pelancongan dan daya tarikan kepada para pelawat dari dalam atau pun luar negara.

Pada masa ini tiada apa-apa sekatan oleh kerajaan kepada pihak yang berhasrat untuk mewujudkan apa-apa jenis muzium. Walau bagaimanapun muzium tersebut hendaklah bersesuaian dengan sentimen agama, adat dan budaya masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Muzium Malaysia sentiasa bersedia memberikan bantuan khidmat nasihat yang berkaitan dengan aspek permuziuman kepada mana-mana pihak yang ingin mewujudkan muzium. Khidmat nasihat ini meliputi aspek pengurusan koleksi artifak, kaedah pameran, kaedah tadbir urus muzium, konservasi dan aktiviti permuziuman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ [ RAUB ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai langkah-langkah dan dasar untuk mengiktiraf status '*eco resorts*' sebagai kawasan tumpuan pelancongan dan melayakkan mereka mendapat grant atau '*tax incentives*' untuk memajukan kawasan tumpuan pelancong yang mesra alam sekitar; dan
- (b) berapa banyak '*eco resorts*' yang telah diberi kemudahan tersebut.

**JAWAPAN :      YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak menyediakan *grant* atau '*tax incentives*' yang khusus untuk '*eco resorts*' buat masa ini. Bagi mempromosikan lagi sektor pelancongan, yang termasuk produk eko pelancongan Malaysia di bawah Bajet 2014, kerajaan telah mengumumkan perlanjutan tempoh permohonan galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 3 tahun sehingga 31 Disember 2016.

Dari tahun 2007 hingga 2013, sebanyak 14 buah projek yang berkonsepkan '*eco resorts*' telah diberikan sokongan insentif cukai daripada Kementerian melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Selain itu, dari tahun 2009 hingga kini, Kementerian ini turut memberikan sokongan kepada 10 buah projek pelancongan '*eco resorts*' pinjaman Tabung Infrastruktur Pelancongan di bawah kelolaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan sebuah projek yang mempunyai konsep yang sama untuk permohonan pinjaman Tabung Khas Pelancongan di bawah kelolaan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Bank).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 27 MAC 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kerajaan di dalam memastikan kontraktor-kontraktor memberi keutamaan dalam pengambilan pekerja-pekerja mahir dan tidak mahir dari kalangan penduduk tempatan menjelang perlaksanaan pembinaan Empangan Hidro Elektrik Baleh, Murum dan Bakun.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Semua aspek berkaitan dengan pembekalan elektrik di Negeri Sarawak adalah tidak tertakluk di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 di mana perancangan dan pelaksanaan pembekalan elektrik dinegeri berkenaan adalah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Akta Bekalan Elektrik 1990 hanya dikuatkuasakan ke atas negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah. Oleh yang demikian, hal-hal melibatkan pembekalan elektrik termasuk pembangunan empangan hidroelektrik di Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

\*\*\*\*\*

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF HAJI AHMAD [MERSING]  
**TARIKH** : 27 MAC 2014 (KHAMIS)  
**SOALAN** : Haji Ahmad [ Mersing ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah bilangan dan jumlah pinjaman Skim TEKUN yang disalurkan kepada Usahawan TEKUN di seluruh negara mengikut negeri sehingga kini semenjak program ini dilaksanakan dan berapakah bilangan dan peratus pembayaran balik tertunggak.

**JAWAPAN OLEH** : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**Tuan Yang Dipertua,**

Sejak penubuhan TEKUN Nasional pada 1998 sehingga 31 Januari 2014, sejumlah 361,422 pinjaman bernilai RM2.98 billion telah berjaya disalurkan kepada 280,775 orang usahawan di seluruh negara.

TEKUN Nasional juga telah berjaya membuat kutipan bayaran balik pinjaman berjumlah RM 1.82 billion terhadap usahawan-usahawan TEKUN di seluruh negara. Sehingga Januari 2014, seramai 81,841 usahawan telah di kategorikan sebagai *Non Active Loan* (NAL) dengan nilai tunggakan RM509 juta dan peratusan pembayaran balik tertunggak adalah 15.31%.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JOHARI ABDUL GHANI [TITIWANGSA]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**  
**SOALAN : Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi membantu mengurangkan penglibatan orang tengah dan seterusnya menyediakan peluang pemasaran dengan kos rendah kepada para petani.  
**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantai nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantai nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.
2. Dalam hal ini adalah perlu Kerajaan mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:
  - meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;
  - memendekkan rantai nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
  - mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;

- meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

**Tuan Yang Dipertua,**

3. Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Baharu, Kelantan.
4. Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:
  - (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusan belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disiapkan pada tahun 2014;
  - (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
  - (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK. Majlis penyerahan dana kepada PPK dijangka akan diadakan pada 22 Mac 2014 di PPK Beseri Perlis;

- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
- pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;
  - pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan “Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja” dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
  - dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
  - Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
  - penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
  - dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.
5. Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.
6. Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:
- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
  - (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
  - (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;
  - (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
  - (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;

- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
- (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 18 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2014 [ KHAMIS ]**  
**SOALAN : 64**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penyelidikan dan Pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam membantu dan merealisasikan Pembangunan Tenaga Nuklear.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) telah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam membantu merealisasikan pembangunan tenaga nuklear.

Semenjak 42 tahun penubuhannya, fungsi utama Nuklear Malaysia adalah untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat dan latihan dalam bidang teknologi nuklear bagi pembangunan negara.

Sehingga kini, Nuklear Malaysia mempunyai seramai 347 pegawai penyelidik dan kemudahan-kemudahan penyelidikan termasuk sebuah reaktor penyelidikan TRIGA Mark II, kemudahan pelupusan sisa radioaktif kebangsaan, makmal ujian tanpa musnah dan makmal-makmal kalibrasi.

Nuklear Malaysia telah melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang utama dan dianggap kritikal ke arah pembangunan tenaga nuklear di Malaysia seperti :

- Teknologi reaktor
- Teknologi dan pengurusan sisa-sisa radioaktif
- Keselamatan, Sekuriti dan Kawalseliaan nuklear
- Kajian Sosio dan tekno-ekonomi
- Kajian Permintaan Tenaga

Nuklear Malaysia juga telah merangka strategi dan pelan tindakan untuk menerajui bidang R&D dalam teknologi reaktor dan tenaga nuklear yang akan dilaksanakan untuk tempoh 2012-2020 yang merangkumi kajian:

- Instrumentasi dan kawalan, hidraulik haba, fizik nuklear & reaktor
- Analisis dan penilaian keselamatan radiologi dan nuklear, termasuk penggunaan dan pembangunan kod komputer
- Penggunaan thorium untuk penjanaan tenaga
- Operasi dan penyenggaraan (*O&M*) reaktor
- Pengurusan kitaran bahan api nuklear

- Reka bentuk reaktor kuasa nuklear dan bahan api baru dan berinovatif
- Membangunkan repositori nasional untuk sisa paras rendah
- Membangunkan *borehole disposal system* untuk "*Disused Sealed Radioactive Sources (DSRS)*"
- Menilai impak nuklear ke atas biodiversiti dan projek bioremediasi bagi menyokong pembangunan loji kuasa nuklear.

Cadangan pelaksanaan projek bertajuk Pembangunan Teknologi Reaktor Nuklear Inovatif dengan *Spin-Off* Berteras Kepada Thorium adalah merupakan salah satu pelan tindakan bagi teras pertama Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013-2020. Projek ini akan dilaksanakan bermula pada tahun 2014 sehingga tahun 2018 bagi menghasilkan bahan api nuklear thorium untuk penjanaan tenaga yang akan diketuai oleh Nuklear Malaysia.

Berdasarkan kepada Pelan Strategik Agensi Nuklear Malaysia 2012-2020 dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013-2020, Nuklear Malaysia akan terus melaksanakan penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear dan menjalinkan kerjasama dengan institusi-intisusi penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa. Nuklear Malaysia juga akan terus menjalankan peranan sebagai sebuah Organisasi Sokongan Teknikal (TSO) untuk industri kuasa dan bukan kuasa nuklear dengan menyediakan kemudahan dan khidmat seperti pengurusan sisa radioaktif dan meneroka penggunaan *Small Modular Reactor (SMR)*.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 27.03.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara rahsia di semua agensi Kerajaan bagi mengekang gejala rasuah yang melibatkan penjawat awam di negara ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang. Bagi memantapkan lagi perkhidmatan awam dan menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti, Kerajaan telah melaksanakan satu lagi inisiatif baru dengan menubuhkan Unit-Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri, tertakluk kepada penerimaannya, sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM telah pun menempatkan pegawai-pegawainya di Unit Integriti Agensi di Kementerian/Jabatan/Agensi untuk bersama-sama dengan agensi berkenaan bagi mengekang gejala rasuah dan meningkatkan integriti.

Sekian, terima kasih

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : **TUAN GOOI HSIAO-LEONG [ALOR SETAR]**  
**TARIKH** : **27 MAC 2014 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **Tuan Gooi Hsiao-Leung** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan melainkan BERNAS, sama ada Kerajaan ada mengeluarkan permit import dan atau lesen import beras ke dalam Malaysia dalam 5 tahun kebelakangan ini, dan sekiranya ada, membekalkan nama-nama dan butiran pemegang-pemegang lesen.

**JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, Kerajaan tidak mengeluarkan permit import dan lesen import beras kecuali kepada BERNAS. Perkara ini adalah selaras dengan Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dengan BERNAS yang berkuat kuasa sehingga 10 Januari 2021 yang melantik BERNAS sebagai pengimport tunggal beras untuk kegunaan domestik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**  
**(BERUAS)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **27.03.2014**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan daripada manakah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mendapat dana dan nyatakan jumlah dana tersebut untuk memajukan Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia.

Berapakah hutang 1MDB pada masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana dilaporkan dalam penyata tahunan berakhir 31 Mac 2012 yang telah difailkan dengan

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), hutang terkumpul 1MDB pada penghujung tahun 2012 adalah sebanyak RM7.9 bilion. 1MDB kini dalam proses menyediakan penyata tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013.

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

1MDB telah memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya bon dan pinjaman 1MDB sebanyak RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit daripada Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan daripada Kerajaan bagi bon atau pinjaman yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, 1MDB membuat pinjaman dan menerbitkan bon untuk mendapatkan dana bagi memajukan projek-projeknya. Terimaan daripada terbitan bon-bon 1MDB ini digunakan untuk membiayai operasi syarikat, termasuklah begi pembelian syarikat stesen janakuasa elektrik dan pembangunan projek hartanah strategik.

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pelanggan yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

**i. Tun Razak Exchange**

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan

masa depan, sebagai contoh, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, yang dikenali oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya global.

## **ii. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia**

Bandar Malaysia, dengan anggaran kos pembangunan berjumlah RM50.03 bilion (*Gross Development Cost*) dan nilai pembangunan berjumlah RM63.19 bilion (*Gross Development Value*), adalah satu projek pembangunan bersepadu untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon

kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

#### **i. Sektor Tenaga**

Sektor tenaga, dengan nilai pelaburan berjumlah RM11.8 bilion, juga merupakan salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**  
**TARIKH** : **27 MAC 2014 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **Tuan Er Teck Hwa minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** bilangan warganegara Malaysia dan bukan Malaysia, termasuk jumlah kes serta kelas lesen yang telah disiasat, didakwa dan dijatuhkan hukum di bawah Akta Perikanan di Malaysia dari 2005 hingga kini.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bilangan warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang ditangkap, dikompaun atau didakwa dalam kes kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, yang dilakukan di atas vesel-vesel penangkapan ikan tempatan bagi semua kelas lesen (A, B, C, dan C2) daripada tahun 2005 hingga 2013, umumnya menunjukkan *trend* menurun berbanding tahun-tahun kebelakangan daripada tahun 2008 hingga 2012.

Pada tahun 2005, jumlah warganegara asing yang di tuduh (OKT) adalah berjumlah 1,647 orang dan menurun kepada 1,487 pada tahun 2013. Manakala bilangan warganegara Malaysia yang di tuduh (OKT) adalah berjumlah 1,287 pada tahun 2005 dan menurun kepada 561 orang pada tahun 2013. Bilangan kes pada tahun 2005 adalah sebanyak 746 kes dan telah menurun kepada 477 pada tahun 2013.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 27 MAC 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah laporan daripada bahagian forensik ibu pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia tentang struktur bangunan-bangunan di tapak Taman Ilmu, Tembila, Besut, Terengganu yang dikatakan struktur sekurang-kurangnya dua bangunan adalah tidak selamat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Kompleks Taman Ilmu di Tembila, Besut ialah projek di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Projek dengan kos keseluruhan RM300 juta ini mengandungi 10 komponen melibatkan skop pembinaan pejabat pentadbiran, dewan konvokesyen, pusat pelajar, perpustakaan, asrama, kompleks sukan dan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2007 dan sepatutnya siap pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, ia telah mengalami kelewatan disebabkan oleh pelbagai faktor di luar jangkaan, khususnya melibatkan kelemahan pihak kontraktor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat JKR menerusi Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan (CKASJ) telah menjalankan ujian penilaian dan pemeriksaan struktur bangunan kompleks berkenaan pada tahun 2011. Hasil laporan berkenaan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri menerusi JKR Negeri Terengganu pada bulan September 2011. Kajian tersebut mendapati terdapat kerja-kerja konkrit yang tidak mematuhi spesifikasi, khususnya melibatkan pembinaan di blok utama bangunan pentadbiran (Parcel H). Sehubungan itu, laporan tersebut telah mencadangkan tindakan pembaikan struktur dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tahap keselamatan bangunan berkenaan sebelum memulakan operasi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH** : **27 MAC 2014**

**SOALAN** : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan apakah dasar dan tindakan  
Kerajaan terhadap masalah pembunuhan  
orang islam di Myanmar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai mana yang Dewan yang Mulia ini sedia maklum, situasi minoriti Muslim di Myanmar terutamanya Rohingya terus menjadi salah satu isu utama yang dibincangkan di persidangan-persidangan utama OIC seperti Mesyuarat Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC, Mesyuarat Penyelarasan Tahunan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC dan Sidang Kemuncak OIC. Pendirian OIC dan negara-negara anggotanya berkenaan dengan isu ini dicerminkan menerusi Resolusi-resolusi dan Kenyataan-kenyataan Akhir (Final Communiqué) yang diterimapakai dan diluluskan oleh persidangan-persidangan utama OIC tersebut. Namun isu Rohingya di Myanmar adalah perkara dalaman Negara tersebut. Campur tangan Malaysia dalam hal ehwal dalaman Myanmar boleh ditafsirkan sebagai mengenakan tekanan politik ke atas Myanmar dan ia akan merumitkan lagi keadaan.

2. Sebagai anggota ASEAN, Malaysia menghormati integriti wilayah dan kedaulatan Myanmar. Ini selaras dengan dasar tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara-negara anggota ASEAN. Malaysia percaya Kerajaan Myanmar sedang berusaha menyelesaikan isu ini dengan cara yang terbaik dan adil kepada semua masyarakat berkenaan. Malaysia telah mengeluarkan dua kenyataan mengenai keadaan di Rakhine. Kenyataan pertama telah dikeluarkan pada 20 Jun 2012, di mana Malaysia menyatakan

kebimbangan terhadap konflik etnik di Rakhine. Yang kedua telah dikeluarkan pada 14 November 2012 di mana Malaysia menyeru agar Kerajaan Myanmar mengambil tindakan tegas mengembalikan keamanan dan kestabilan di Negara tersebut.

3. Kerajaan Myanmar telah menubuhkan Jawatankuasa Pusat untuk Pelaksanaan Kestabilan dan Pembangunan di Rakhine untuk menangani punca konflik dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan semula di wilayah tersebut. Dalam melaksanakan syor-syor oleh Suruhanjaya Penyiasat Rakhine yang dibentuk selepas insiden tersebut meletus di Wilayah Rakhine pada Jun 2012, jawatankuasa berkenaan telah memberi tumpuan dalam bidang kedaulatan undang-undang, keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang, imigresen, kajian semula kewarganegaraan, penempatan semula sementara, pembinaan semula, pembangunan sosial dan ekonomi dan strategi perancangan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS**  
**KAWASAN** : **TELOK KEMANG**  
**TARIKH** : **27.3.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **71**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) penggunaan dan agihan dana Tabung Khas (AP Levy) yang terkumpul daripada kutipan levi RM10,000 daripada tiap-tiap AP yang dikeluarkan sehingga kini sebanyak RM1.4 bilion semenjak 2010; dan
- b) baki dalam tabung khas tersebut pada masa kini.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2013, jumlah kutipan caj AP adalah sebanyak RM1.178 bilion. Daripada jumlah ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM250 juta untuk disalurkan seperti berikut:

- (i) RM200 juta (80%) kepada *Malaysian Industrial Development Fund* (MIDF) sebagai pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja:
  - a. sebagai pengedar kepada pemegang francais;
  - b. menjalankan aktiviti menaik taraf dan pembesaran perniagaan dalam sektor automotif; dan
  - c. bagi menceburkan diri ke dalam sub-sektor automotif termasuk pembuatan komponen dan aksesori automotif serta sub sektor berkaitan perkhidmatan dalam sektor automotif.
  
- (ii) RM50 juta (20%) kepada *Malaysia Automotive Institute* (MAI) sebagai geran bagi program seperti berikut:
  - a. *apprenticeship*; dan
  - b. bina upaya sektor automotif;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 27 MAC 2014 ( KHAMIS )  
DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan jumlah rumah kos rendah dan sederhana yang dirancang untuk negeri Perak. Adakah projek-projek ini juga akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Batu Gajah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merancang untuk melaksanakan 2 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Perak iaitu di 300 unit di Parlimen Taiping dan 120 unit di Parlimen Parit pada tahun 2014.

Pada masa kini, Kementerian tiada perancangan untuk melaksanakan projek baru PPR di Batu Gajah, walau bagaimanapun, melaksanakan projek PPR di Parlimen Batu Gajah boleh dipertimbangkan jika terdapat keperluan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]

TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah Kementerian akan menggiatkan lagi usaha membantu keluarga yang mempunyai Anak Kelainan Upaya (OKU), sakit kronik dan tidak sihat mental daripada segi bantuan kewangan secara berterusan supaya kebajikan mereka lebih terbela dan mendapat perhatian Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan komited dalam memperjuangkan kesaksamaan hak dan peluang serta memastikan penyertaan penuh dan efektif golongan orang kurang upaya (OKU) dalam semua aspek kehidupan, sama seperti anggota masyarakat yang lain. Antara inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan ialah penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan OKU serta Akta OKU 2008. Selain itu, kerajaan telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak OKU pada 19 Julai 2010.

Bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU terus terbela dan seterusnya membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih berkualiti, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan. Antaranya ialah:

**(i) Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM300 sebulan**

Bagi menggalakkan OKU untuk terus bekerja, JKM memberi EPC sebanyak RM300 sebulan kepada mereka yang berpendapatan di bawah RM1,200 sebulan. Bagi tempoh Januari hingga November 2013, seramai 64,578 OKU telah menerima elaun ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM208.2 juta.

**(ii) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebanyak RM300 sebulan.**

Bantuan ini mula diperkenalkan pada tahun 2009 bagi membantu ibu bapa/keluarga yang menjaga OKU atau pesakit kronik terlantar. Tujuan bantuan adalah untuk menggalakkan keluarga menjaga ahli keluarga mereka yang OKU atau pesakit kronik terlantar di samping mengurangkan bebanan perbelanjaan penjagaan OKU/pesakit kronik yang ditampung oleh keluarga tersebut. Bagi tahun 2013 iaitu hingga bulan November, seramai 28,250 orang telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM92.1 juta.

**(iii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM150 sebulan**

Bantuan ini yang diperkenalkan pada tahun 2009 adalah khusus untuk golongan OKU yang berdaftar dengan JKM, berusia antara 18 hingga 59 tahun dan disahkan tidak berupaya bekerja disebabkan faktor-faktor yang munasabah oleh pegawai perubatan. Bagi tahun 2013 iaitu hingga bulan November, seramai 37,124 OKU telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM59.2 juta.

**(iv) Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT/S).**

Kerajaan menyediakan BAT/S bagi membantu golongan yang memerlukan termasuk OKU yang kurang kemampuan untuk membeli alat tiruan/alat sokongan yang disyorkan oleh pegawai perubatan/pakar perubatan. Bagi tahun 2013 iaitu hingga bulan November, seramai 8,449 orang penerima termasuk OKU telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM4 juta.

**(v) Elaun Khas OKU yang menyertai Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebanyak RM150 sebulan.**

Program PDK telah diperkenalkan oleh JKM pada tahun 1984 bagi memperkasa golongan OKU termasuk kanak-kanak kurang upaya supaya mereka dapat diintegrasikan dalam masyarakat. Program PDK dijalankan di pusat PDK di bawah seliaan JKM. Kini, terdapat 486 buah pusat PDK di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 21,138 OKU.

Pada tahun 2008, kerajaan telah mengambil langkah untuk memperkukuhkan dan memantapkan lagi Program PDK agar golongan OKU mendapat manfaat daripadanya. Pemantapan ini termasuklah kenaikan kadar elaun khas OKU yang menyertai Program PDK di pusat PDK daripada RM50 kepada RM150 sebulan. Pemberian elaun kepada OKU tersebut merupakan inisiatif kerajaan untuk meringankan tanggungan kewangan ibu bapa dan penjaga OKU khususnya bagi menampung sebahagian kos pengangkutan menghantar OKU ke pusat PDK.

Bagi kanak-kanak OKU yang mengikuti Program PDK di rumah kerana tidak dapat menghadiri diri ke pusat PDK atas faktor ketidakupayaan yang serius, kerajaan memberikan elaun sebanyak RM50 sebulan mulai tahun 2008. Pemberian elaun ini adalah sebagai insentif kepada OKU tersebut untuk terus menyertai dan menyokong program PDK, sama ada di pusat PDK mahupun di rumah.

Secara ringkasnya, kesemua 21,138 OKU yang menyertai Program PDK menerima elaun RM150 ataupun RM50 sebulan.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping itu, selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalak dan meningkatkan lagi kadar penyertaan (*enrolmen rate*) kanak-kanak OKU dalam bidang pendidikan, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memperkenalkan beberapa skim bantuan kewangan kepada pelajar OKU. Antaranya ialah:

**(i) Elaun Murid Khas (EMK) sebanyak RM150 sebulan**

Elaun Murid Khas (EMK) sebanyak RM150 sebulan disediakan kepada murid OKU yang berdaftar dengan JKM dan sedang mengikuti pendidikan di peringkat prasekolah hingga Tingkatan 6, sama ada di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan, seramai 52,216 murid OKU telah menerima EMK pada tahun 2013.

**(ii) Bantuan Kewangan Pelajar OKU di Institusi Pengajian Tinggi**

Bagi menggalakkan lebih ramai pelajar OKU mengikuti pengajian di peringkat tertiar, mulai April 2010, kerajaan telah memperluaskan skop bantuan kewangan kepada pelajar OKU di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang mengikuti pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa/pengajian jarak jauh. Bantuan kewangan tersebut adalah bergantung kepada jenis pengajian yang meliputi sama ada yuran pengajian dan wang saku atau yuran pengajian sahaja pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian.

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan, seramai 3,606 orang pelajar OKU di institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah menerima manfaat daripada kemudahan ini dari tahun 2010 hingga 2013, melibatkan peruntukan sebanyak RM13.3 juta. Manakala bagi kolej komuniti dan politeknik pula, seramai 760 orang pelajar OKU telah menerima manfaat daripada kemudahan ini dari tahun 2010 hingga 2013, melibatkan peruntukan sebanyak RM2.8 juta.

Dalam pada itu, kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) turut memberikan kemudahan pelepasan cukai sebanyak RM5,000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU di bawah umur 18 tahun. Selain itu, LHDN turut memberi pengecualian duti import kepada pembayar cukai OKU yang membeli alat-alat tiruan/sokongan sebanyak RM5,000 bagi kegunaan diri sendiri atau pembayar cukai yang membeli alat-alat tiruan/sokongan berkenaan untuk kegunaan anak dan ibu bapa daripada golongan OKU.

Tuan Yang Dipertua,

Selain bantuan kewangan, kerajaan turut melaksanakan usaha secara berterusan bagi menjaga kesejahteraan golongan OKU dalam semua aspek kehidupan termasuk aksesibiliti terhadap persekitaran fizikal, pengangkutan awam serta maklumat dan komunikasi. Langkah ini penting bagi menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat, seterusnya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menubuhkan **Majlis Kebangsaan Bagi OKU** bagi memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan dasar-dasar dan pelan tindakan berkaitan OKU oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan lain-lain penyedia perkhidmatan, Majlis Kebangsaan Bagi OKU ("Majlis") telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta OKU 2008. Majlis ini yang turut dianggotai oleh 10 orang individu OKU atau individu yang mempunyai kepakaran dalam isu ketidakupayaan berperanan membuat syor kepada Kerajaan berhubung cadangan penambahbaikan yang wajar diambil dalam usaha memastikan golongan OKU di negara ini

menikmati kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Bagi membantu majlis melaksanakan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan, Majlis telah menubuhkan enam (6) buah jawatankuasa di bawahnya iaitu:

- (a) **Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina** (diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- (b) **Jawatankuasa Pengangkutan** (diterajui oleh Kementerian Pengangkutan);
- (c) **Jawatankuasa Pendidikan** (diterajui oleh Kementerian Pendidikan)
- (d) **Jawatankuasa Pekerjaan** (diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia)

- (e) **Jawatankuasa Pendaftaran** (diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
- (f) **Jawatankuasa Quality Life Care** (diterajui oleh Kementerian Kesihatan)

**NO. SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6573**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan tegas Kerajaan terhadap kemasukan PATI dan langkah-langkah pengawalan dari tahun 2010-2013.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Operasi penguatkuasaan PATI dijalankan secara berterusan di seluruh negara. Kerajaan telah melancarkan Operasi Bersepadu 6P yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersama dengan agensi penguatkuasa lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain agensi.**

**Bagi tempoh dari 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 iaitu melalui Operasi 6P Bersepadu Fasa 1, sebanyak 2,405 operasi di pelbagai lokasi di seluruh negara seperti rumah kongsi, premis perniagaan, restoran, pusat hiburan, tapak pembinaan, kilang dan lain-lain telah diadakan. 56,044 orang warganegara asing telah diperiksa, 17,455 orang PATI pelbagai warganegara telah ditangkap atas pelbagai kesalahan dan 234 majikan turut ditangkap.**

Melalui Operasi Bersepadu Fasa 2 bagi tempoh dari 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014, bilangan operasi yang dijalankan di seluruh negara adalah sebanyak 1,166 melibatkan seramai 13,515 orang anggota penguatkuasa. Daripada jumlah operasi yang dijalankan, seramai 27,158 orang telah diperiksa manakala 7,581 orang PATI dan 99 majikan telah ditangkap.

Untuk tahun 2010, sebanyak 6,017 operasi telah diadakan, manakala bagi tahun 2011 sebanyak 3,198 operasi dan 2012 sebanyak 5,771 operasi. Dari jumlah tersebut, sebanyak 34,905 orang PATI telah ditangkap dalam tahun 2010, 37,828 orang PATI dalam tahun 2011 dan 39,939 orang PATI dalam tahun 2012.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

- i) memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini

dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);

- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA); dan
- v) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi pengajian yang mengambil pelajar antarabangsa.

Punca kehadiran warganegara asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja tetapi sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak. Semua rakyat Malaysia juga perlu turut serta dalam membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka dengan menyewa premis atau harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Selagi rakyat Malaysia sendiri bersekongkol dengan PATI, adalah sukar bagi agensi penguatkuasa mengurangkan atau membanteras PATI di dalam negara. Namun begitu, usaha-usaha berterusan dan gigih akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi memastikan kesejahteraan rakyat negara ini tidak dimudaratkan oleh kemasukan warga asing.

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL  
AZIZ [ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang bagi menghalang mana-mana pihak mengeluarkan kenyataan sensitif berhubung sesuatu isu terutamanya mempertikaikan tindakan Jabatan Agama Islam atau fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari terdapat pihak yang mengeluarkan kenyataan sensitif berhubung sesuatu isu terutamanya mempertikaikan tindakan Jabatan Agama Islam atau fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Dalam hal ini, tindakan ke atas pihak yang berkenaan boleh diambil di bawah undang-undang sedia ada. Antaranya menerusi Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Peruntukan-peruntukan berkenaan adalah seperti yang berikut :

- (a) Seksyen 9 memperuntukkan tentang kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama dan hukumannya; dan
- (b) Seksyen 12 menjelaskan tentang kesalahan memberikan, menyebarkan atau mengembangkan apa-apa pendapat yang bertentangan dengan fatwa dan hukumannya.

Selain itu, tindakan juga boleh diambil di bawah peruntukan berikut:

- (a) Seksyen 4 memperuntukkan tentang kesalahan doktrin palsu dan hukumannya;
- (c) Seksyen 5 memperuntukkan tentang mengembangkan doktrin agama dan sebagainya dan hukumannya;
- (d) Seksyen 6 memperuntukkan tentang kesalahan dakwaan palsu dan hukumannya;

- (e) Seksyen 8 menjelaskan tentang kesalahan mempersendakan ayat Al-Quran atau Hadith dan hukumannya; dan
- (f) Seksyen 13 memperuntukkan tentang kesalahan berkaitan penerbitan agama yang bercanggah dengan Hukum Syarak serta hukumannya.

Dalam menangani isu ini, peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas boleh digunapakai jika **pelaku adalah di kalangan orang Islam dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah**. Peruntukan ini adalah cukup luas pemakaiannya yang merangkumi pelbagai aspek kesalahan.

Di samping itu, tindakan juga boleh diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. Antaranya :

- (a) **Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan** memperuntukkan mengenai kesalahan menyebabkan dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dsb., pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.

(b) **Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948** juga telah memperuntukkan kesalahan mengenai kecenderungan menghasut.

Memandangkan undang-undang telah sedia ada bagi menghalang pihak berkenaan daripada mengeluarkan kenyataan sensitif dengan mempertikaikan tindakan Jabatan Agama Islam atau sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan, justeru **Kerajaan akan memberi penekanan kepada aspek penguatkuasaan undang-undang** dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.